

**REKABENTUK BUSANA PENGANTIN BERTEMAKAN**

***RED ROSE***

**SITI SHAH HASNIRA BINTI ABDULL HALIM**

**C17A0461**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

**2021**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# **Rekabentuk Busana Pengantin Bertemakan *Red Rose***

**Siti Shah Hasnira Binti Abdull Halim**

**C17A0461**

**Tesis yang Dikemukakan untuk memenuhi Sebahagian daripada Syarat**

**Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dan Warisan**

**(Tekstil dan Fesyen) dengan Kepujian**

---

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

**Universiti Malaysia Kelantan**

---

**2021**

## PERAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



Tandatangan

Nama pelajar : SITI SHAH HASNIRA BINTI ABDULL HALIM  
No. Matriks : C17A0461  
Tarikh : 02/07/2021

Disahkan oleh:

Tandatangan Penyelia

Nama penyelia :  
Cop :  
Tarikh :

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ISI KANDUNGAN

	<b>Perkara</b>	<b>Muka surat</b>
	<b>BAB 1 : PENGENALAN</b>	
	<b>1. Pengenalan</b>	<b>9-11</b>
	<b>1.1 Latar Belakang Masalah</b>	<b>11-13</b>
	<b>1.2 Rumusan Masalah</b>	<b>14</b>
	<b>1.3 Objektif Kajian</b>	<b>15</b>
	<b>1.4 Persoalan Kajian</b>	<b>15</b>
	<b>1.5 Hipotesis</b>	<b>16-17</b>
	<b>1.6 Tujuan Penyelidikan</b>	<b>17-18</b>
	<b>BAB 2 : KAJIAN PUSTAKA</b>	
	<b>2.1 Istilah</b>	
	<b>i) Modesty Fashion</b>	<b>19-23</b>
	<b>ii) Red Rose</b>	<b>24-28</b>
	<b>iii) Busana</b>	<b>28-36</b>
	<b>2.2 Simbolik Warna Merah</b>	
	<b>i) Budaya</b>	<b>37-40</b>
	<b>ii) Psikologi</b>	<b>40-42</b>
	<b>2.3 Manfaat Penyelidikan</b>	<b>43-45</b>
	<b>BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN</b>	
	<b>3.1 Pengenalan</b>	<b>46</b>
	<b>3.2 Kaedah Kualitatif</b>	<b>47</b>
	<b>3.3 Kaedah Kepustakaan</b>	<b>48</b>
	<b>3.4 Kaedah Pengumpulan Data</b>	<b>48</b>

<b>3.5 Kaedah Menganalisis Data</b>	<b>48</b>
<b>Batasan Kajian/Skop Kajian</b>	
<b>a) Batasan Objek</b>	<b>49</b>
<b>b) Batasan Lokasi</b>	<b>49</b>
<b>3.8 Data</b>	<b>50</b>
<b>3.9 Gantt Chart</b>	<b>51-54</b>
<b>4.0 Diagram Proses Kajian</b>	<b>55</b>
<b>BAB 4: DAPATAN DAN HASIL KAJIAN</b>	
<b>4.1 Pengenalan</b>	<b>56</b>
<b>4.1.1 Design Concept</b>	<b>56-57</b>
<b>4.1.2 Pasaran Sasaran</b>	<b>57</b>
<b>4.1.3 Pemerhatian</b>	<b>57-59</b>
<b>4.2 Proses Merekabentuk Fesyen</b>	
<b>4.2.1 Carta Aliran Proses Menghasilkan</b>	<b>60</b>
<b>Busana</b>	
<b>4.2.2 Idea/ Konsep</b>	<b>60</b>
<b>4.2.3 Moodboard/Inspiration Board</b>	<b>61-62</b>
<b>4.2.4 Lakara Rekabentuk Busana</b>	<b>62-63</b>
<b>4.2.5 Pemilihan warna</b>	<b>63-64</b>
<b>4.2. 6 Lakaran Akhir Busana Pengantin</b>	<b>64</b>
<b>4.2.7 Pemilihan Kain</b>	<b>65-67</b>

<b>4.2.8 Penghasilan Rekabentuk Busana Pengantin</b>	
<b>4.2.8.1 Membuat Pola</b>	<b>68-70</b>
<b>4.2.8.2 Lukisan Teknikal</b>	<b>70-71</b>
<b>4.2.8.3 Proses Memotong Kain</b>	<b>72</b>
<b>4.2.8.4 Proses Menjahit</b>	<b>72-73</b>
<b>4.2.8.5 Finishing</b>	<b>73</b>
<b>BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
<b>5.1 Pengenalan</b>	<b>74</b>
<b>5.2 Kesimpulan</b>	<b>74-75</b>
<b>5.3 Cadangan</b>	<b>76</b>

## ABSTRAK

Kajian yang dijalankan adalah bertajuk 'Rekabentuk Busana Pengantin Bertemakan *Red Rose*'. Ia merupakan kajian tentang rekabentuk busana pengantin yang berkonsepkan sopan dan traditional. Konsep sopan dan traditional ini dimasukkan dalam busana pengantin supaya ianya dapat diteruskan oleh masyarakat di Malaysia. Penghasilan rekabentuk busana pengantin adalah berdasarkan tema yang dipilih iaitu red rose dan menerapkan ciri-ciri sopan dan traditional dalam menghasilkan busana pengantin tersebut. Dalam kajian busana pengantin ini, ada ciri-ciri busana mengikut adat dan budaya orang Melayu. Umum mengetahui bahawa pakaian cara Melayu adalah sopan dan mengikut tradisi turun-temurun. Dan ianya masih dikekalkan sehingga kini cuma ada perubahan sedikit dari segi rekabentuk busana yang dihasilkan membuatnya menjadi satu rekabentuk yang lebih moden. Maka untuk mengekalkan budaya, adat dan tradisi orang Melayu dalam cara berpakaian, rekabentuk busana pengantin yang dihasilkan adalah berkonsepkan sopan dan traditional.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ***ABSTRACT***

The study was entitled 'Red Rose Themed Wedding Dress Design'. It is a study of wedding dress design with a traditional and modest concept. This modest and traditional concept is included in the wedding dress so that it can be continued by the community in Malaysia. The production of wedding dress design is based on the chosen theme of red rose and apply the modest and traditional features in producing the wedding dress. In the study of the wedding dress, there are features of dress according to the customs and culture of the Malays. People know that Malays way in clothing are decent and in accordance with ancient traditions. And it is still maintained until now and there is only a little change in terms of fashion design produced makes it be more modern design. So to maintain the culture, customs and traditions of the Malays in the way they dress, wedding dress design that is produced is maintain with traditional and modest concept.



## BAB 1: PENGENALAN

### 1. Pengenalan

Berdasarkan kajian yang ingin dikaji iaitu kajian bertajuk 'Rekabentuk Busana Pengantin Bertemakan Ros Merah,' banyak rekaan baju pengantin yang reka bentuknya berasaskan kepada pelbagai idea yang dihasilkan dan juga berasaskan ciri-ciri yang pelbagai yang diterapkan dalam menghasilkan busana pengantin. Busana pengantin merupakan satu busana yang menarik yang dapat dihasilkan. Rekabentuknya adalah dihasilkan secara pelbagai dan mengikut kepada trend semasa dan juga mengikut kepada permintaan pelanggan. Di Malaysia, rekabentuk busana yang dihasilkan juga berasaskan trend semasa dan juga berdasarkan permintaan pelanggan. Busana pengantin merupakan satu busana yang mana menjadi satu simbol dan tanda pada sesuatu perkahwinan. Rekabentuk busana yang dihasilkan adalah pelbagai dan juga berasaskan kepada tema-tema tertentu. Ia juga merupakan satu sejarah kisah cinta mengikut kefahaman dan kebudayaan sesuatu kaum pada zaman dahulu.

Di Malaysia, kehidupan sesuatu masyarakat adalah mempunyai pelbagai kaum iaitu kaum Melayu, kaum Cina, kaum India dan sebagainya. Maka penghasilan rekabentuk busana pengantin yang dihasilkan ini adalah kebanyakannya berpandukan kepada kaum masing-masing. Contohnya kaum Melayu, sesuatu busana yang dihasilkan adalah pelbagai dan mempunyai banyak jenis rekabentuk yang dihasilkan pada zaman dahulu dan masih juga digunakan dan diteruskan hingga masa kini. Ada rekabentuk busana pengantin yang dihasilkan

adalah berdasarkan rekabentuk baju pada zaman Melayu iaitu daripada busana Melayu traditional seperti baju kurung, baju kebarung, baju kebaya, baju kurung Riau, gaun dan sebagainya. Banyak pengaruh rekabentuk busana pengantin yang dihasilkan pada masa kini yang dipengaruhi oleh rekabentuk busana yang dihasilkan pada zaman dahulu. Cuma ianya kelihatan semakin meriah dan menarik apabila ada tambahan rekaan seperti tatarias permukaan seperti teknik sulaman dan sebagainya. Maka jelaslah penghasilan rekabentuk busana pengantin ini mempunyai pelbagai rekabentuk dan ciri-ciri yang tertentu.

Pada masa kini, rekabentuk busana pengantin yang dihasilkan kebanyakannya terlalu moden, rekabentuknya juga mempunyai banyak pengaruh dari luar yang menampakkan rekabentuk busana pengantin tersebut lebih moden dan lebih menarik untuk digayakan. Ianya juga merupakan satu busana yang unik dihasilkan dalam dunia kehidupan pereka fesyen kerana stailnya yang mengagumkan dengan pelbagai perincian yang diletakkan pada busana pengantin tersebut dan juga gabungan pelbagai jenis gabungan jenis fabrik yang digunakan dan juga dihiasi pelbagai jenis dan warna manik yang berkilauan yang menampakkan busana pengantin tersebut sangat menarik untuk digayakan dan ianya kelihatan lebih moden.

Bagi rekabentuk pakaian atau busana pengantin ianya terdiri daripada pelbagai rekabentuk yang pada awal zaman dahulu ialah seperti kebarung, kurung riau, kebaya, gaun dan sebagainya seperti yang dinyatakan di atas. Konsep rekabentuk pakaian ini masih lagi digunakan sehingga masa kini. Rekabentuk busana pengantin yang dihasilkan juga terdiri daripada pelbagai jenis konsep dan

pelbagai tema busana pengantin seperti kontemporari, busana pengantin yang bersifat moden atau klasik dan traditional dan sebagainya. Selain itu, rekabentuk busana pengantin yang traditional merupakan satu rekabentuk yang sangat menarik kerana setiap perincian, rekabentuk busana tersebut adalah bersifat traditional yang mana mempunyai keistimewaan tersendiri kerana melambangkan kaum, budaya, agama dan adat resam pengantin itu. Maka, keadaan ini membuatkan pemilihan dan penghasilan rekabentuk busana pengantin itu menjadi lebih traditional, lebih menarik digayakan kerana setiap kaum mempunyai pakaian pengantin tersendiri dan rekabentuk busana pengantin yang dihasilkan juga merujuk kepada identiti pemakainya.

### **1.1 Latar Belakang Masalah**

Berdasarkan tajuk kajian yang dipilih iaitu kajian tentang ‘Rekabentuk Busana Pengantin Bertemakan Ros Merah’ terdapat beberapa pernyataan permasalahan yang akan dikaji.

Merujuk kepada pernyataan permasalahan iaitu pengaruh budaya kepada pemilihan warna busana pengantin pada masa kini ialah, umum mengetahui bahawa kebanyakannya rekabentuk busana pengantin kini yang dihasilkan banyak terpengaruh dengan idea dan rekabentuk daripada pengaruh luar dan begitu juga dengan pemilihan warna busana pengantin. Pemilihan warna busana pengantin ini Keadaan ini mampu membuatkan penghasilan rekabentuk busana pengantin yang dihasilkan lebih cenderung ke arah rekabentuk yang lebih moden yang membuatkan kurangnya penghasilan rekabentuk busana pengantin yang dihasilkan

menggunakan cara, teknik atau dari segi penggunaan bahan yang lebih traditional. Keadaan ini membuatkan penggunaan teknik atau cara traditional dalam menghasilkan busana pengantin tersebut semakin luntur dan berkurang dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Budaya memakai gaun putih merupakan satu pengaruh daripada luar yang mana kebanyakan masyarakat sekarang sering menggunakan busana berwarna putih untuk dijadikan warna busana utama untuk pengantin.

Tradisi ini merupakan salah satu tradisi yang popular diikuti oleh masyarakat di Malaysia terutamanya masyarakat berkaum melayu. Namri Sidek (2018) menyatakan bahawa mengikut sejarah dahulu, pemakaian busana pengantin pada masyarakat pada zaman terdahulu ialah berwarna merah, ini kerana busana pengantin yang berwarna putih adalah melambangkan situasi sedih dan murung. Pemilihan warna putih sebagai warna utama untuk busana pengantin adalah sangat disarankan dalam pemilihan warna busana. Ini kerana warna putih mempunyai maksud tersendiri iaitu ianya mencerminkan sesuatu yang asli dan bersih yang mana sesuai dengan status seorang pengantin wanita

Selain itu, pernyataan permasalahan kedua iaitu ingin mengeksplorasi konsep sopan dalam menghasilkan reka bentuk busana pengantin. Berdasarkan permasalahan ini, memang kebanyakan rekabentuk busana pengantin kini dihasilkan dalam pelbagai bentuk rekaannya mengikut idea dan juga rujukan daripada pelbagai sumber. Ianya juga banyak dipengaruhi oleh rekabentuk busana pengantin dari sebelah barat. Umum mengetahui bahawa kebanyakan rekabentuk busana pengantin dari sebelah barat adalah satu rekaan yang pelbagai dan juga menjolokkan mata. Tambahan pula, apabila rekabentuk busana pengantin tersebut adalah terpengaruh daripada pereka atau negara bukan islam. Maka keadaan ini

harus di kurangkan dalam masyarakat di Malaysia kerana Malaysia merupakan negara Islam yang mana Islam mempunyai adab tertentu dalam mengenakan sesuatu busana tersebut. Maka, masyarakat yang berbangsa melayu serta beragama Islam perlu mengutamakan syariat mengenakan busana mengikut ajaran Islam.

Busana melayu mempunyai konsep tertentu yang menjelaskan bahawa busana melayu ini mempunyai pelbagai jenis gaya, bentuk , fungsi dan juga keutamaannya tersendiri. Konsep keindahan dalam busana melayu ialah juga di jelaskan bahawa memperlihatkan gabungan di antara elemen atau nilai estetika dengan keindahan perilaku yang harus ditampilkan secara selaras dan seiring. Ini menunjukkan bahawa apabila individu mempergunakan busana melayu traditional tersebut, terdapat nilai dan ciri-ciri kemelayuan yang ditonjol semasa berbusana.

Konsep sopan dalam menggayakan busana melayu ini juga menunjukkan gabungan dari adat, budaya dan juga agama sesuatu masyarakat tersebut. Nilai yang divisualisasikan melalui busana menunjukkan refleksi kepada adab sopan dan sifat baik orang yang memakainya. Ini menjelaskan bahawa perilaku setiap individu itu bergantung kepada cara pemakaiannya. Istilah memakai dalam busana melayu adalah mengenakan pakaian, yakni pakaian yang indah. Ia menunjukkan kewujudan budaya benda Melayu, iaitu pakaian. Makna pakaian tidak terbatas dan meliputi juga dengan barang perhiasan. Maka, setiap rekabentuk busana yang dihasilkan sama ada busana pengantin atau sebagainya harus seiring dengan konsep sopan.

## 1.2 Rumusan Masalah

Merujuk kepada rumusan masalah, dengan adanya pengaruh budaya luar dalam pemilihan warna busana pengantin ini mampu membuatkan kebanyakan masyarakat di Malaysia lebih cenderung untuk memilih warna putih menjadi satu warna utama dalam mengenakan busana pengantin mereka terutamanya pada majlis akad nikah. Keadaan ini membuatkan pemilihan warna tersebut adalah terhad kepada satu warna sahaja sedangkan pemilihan warna lain juga boleh dipilih untuk disesuaikan pada busana pengantin tersebut. Keadaan ini membuatkan kurangnya pemilihan warna yang lain kepada busana pengantin.

Seterusnya ialah, kurangnya konsep sopan dalam menghasilkan reka bentuk busana pengantin ini membuatkan lebih banyak busana pengantin yang dihasilkan yang lebih mengutamakan rekabentuk yang dipengaruhi oleh reka bentuk busana pengantin dari pengaruh luar. Keadaan ini membuatkan rekabentuk busana pengantin yang lebih klasik atau lebih traditional semakin berkurang dihasilkan. Malah rekabentuk busana yang lebih moden lebih mendapat tempat di hati pengaya busana pengantin tersebut.

Konsep sopan dimasukkan di dalam penghasilan rekabentuk busana pengantin adalah untuk memastikan konsep ini terus diguna oleh setiap lapisan masyarakat di Malaysia. Ianya juga merupakan satu konsep yang sangat penting diutamakan kerana umum mengetahui bahawa rekabentuk busana pengantin yang dihasilkan pada masa kini kebanyakannya rekabentuk yang lebih moden dan pelbagai bentuk dan gaya yang dihasilkan.

### 1.3 Objektif Kajian

- a) Mengkaji simbolik warna merah untuk busana pengantin
- b) Merekabentuk busana pengantin berkonsepkan “ sopan dan traditional”
- c) Menghasilkan busana pengantin bertemakan Ros Merah

### 1.4 Persoalan Kajian

- a) Bagaimanakah pemilihan warna merah mempengaruhi rekaan pengaya busana pengantin dan menjadi simbolik kepada busana pengantin?
- b) Apakah cara untuk mengekalkan konsep sopan dan traditional dalam rekabentuk busana pengantin ?
- c) Adakah rekebentuk busana pengantin bertemakan Red Rose menarik dan diterima dikalangan masyarakat di Malaysia ?

## 1.5 Hipotesis

Berdasarkan persoalan kajian yang dibuat, hipotesis yang boleh dibuat ialah dari segi pemilihan warna, ianya sangat penting dalam menghasilkan busana pengantin. Ini kerana, setiap pemilihan warna yang dipilih mampu memberi keserian kepada pengantin tersendiri. Selain itu, pemilihan warna penting dalam menghasilkan sesuatu busana pengantin kerana setiap rekabentuk busana pengantin yang dihasilkan mempunyai tema atau konsep tersendiri. Maka, dari konsep atau tema yang dipilih tersebut harus selari dan seiring dengan warna yang dipilih. Pemilihan warna yang betul dalam menghasilkan busana pengantin ini memainkan peranan yang penting untuk memastikan sesuatu keadaan menjadi lebih menarik.

Seterusnya, konsep sopan dan traditional dalam menghasilkan rekabentuk busana pengantin juga penting, kerana bagi individu atau masyarakat di Malaysia yang beragama islam, keutamaan konsep sopan dalam berpakaian atau berbusana adalah sangat diutamakan. Bagi masyarakat yang beragama Islam, berpakaian yang sopan itu adalah seperti pemilihan jenis fabrik tidak jarang atau nipis, rekabentuk busana yang dihasilkan adalah longgar dan tidak mengikut tubuh badan si pemakai. Labuh busana adalah bawah paras lutut untuk menutupi bahagian belakang badan.

Seterusnya ialah *red rose* merupakan satu pemilihan tema yang sangat menarik kerana ianya terserlah dari segi warnanya tersendiri yang mampu menarik perhatian orang ramai. Bunga mawar ini mempunyai banyak jenis warna yang membawa maksud yang berlainan. Sama juga dengan bunga mawar merah yang memberi maksud cinta dan percintaan. Maka untuk pemilihan



*subject matter red rose* sebagai tema utama dalam menghasilkan rekabentuk busana ini merupakan satu pilihan yang menarik untuk memberi kelainan kepada rekabentuk busana pengantin tersebut.

## 1.6 Tujuan Penyelidikan

Setiap kajian yang dijalankan yang berbentuk kajian kes ini mempunyai banyak maklumat yang mempunyai tujuan yang tertentu yang ingin dijelaskan dalam kajian yang dikaji tersebut. Berdasarkan kajian kes yang dikaji iaitu yang bertajuk 'Rekabentuk Busana Pengantin Bertemakan Red Rose ini adalah ingin mengkaji tentang cara atau rekabentuk busana yang dihasilkan berasaskan atau berpandukan dengan tema red rose tersebut. Kajian ini juga dikaji bertujuan untuk melihat sejauh mana rekabentuk busana pengantin secara sopan dan traditional diterima dalam golongan masyarakat di Malaysia. Umum mengetahui bahawa, kebanyakan rekabentuk busana pengantin terkini kebanyakannya adalah mempunyai ciri yang lebih moden. Ciri yang lebih moden ini adalah dari segi jenis fabrik yang digunakan, cara atau teknik yang digunakan dalam menghasilkan busana pengantin tersebut dan sebagainya. Bagi melihat busana yang lebih traditional, rekabentuk busana tersebut adalah seperti pada zaman Melayu terdahulu. Rekabentuk busana pada zaman Melayu dahulu adalah rekaan busana tersebut adalah longgar, tidak menggunakan fabrik yang halus sehingga menampakkan bahagian kulit, berlengan panjang dan juga labuh baju tersebut adalah sampai ke paras lutut. Dalam erti kata lain cara mengenakan busana pada zaman Melayu dahulu adalah sopan yang mana seiring dengan perkembangan Islam pada ketika itu.

Seterusnya, tujuan kajian ini juga adalah untuk memastikan supaya konsep sopan dalam berbusana dapat diteruskan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Banyak rekabentuk busana pengantin terkini direka lebih kepada rekabentuk yang mengikut bentuk tubuh badan, atau penggunaan kain yang nipis dan sebagainya. Maka untuk mengekalkan konsep sopan dalam berbusana pengantin ini, banyak cara atau langkah yang boleh diambil. Konsep sopan dalam berbusana ini sangat digalakkan terutama bagi mereka yang berbangsa melayu yang beragama islam. Ini kerana, dalam agama Islam kesopanan dalam berbusana itu adalah sangat penting. Bukan sahaja sopan dari segi rekabentuk busana tersebut tetapi ianya harus berpandukan dengan ajaran yang sepatutnya. Konsep sopan ini harus diteruskan kerana ingin mengurangkan rekabentuk busana yang tidak sepatutnya seperti pakaian yang ketat, nipis dan sebagainya. Ini kerana, perkara seperti ini sangat mempengaruhi pemikiran dan juga gaya berfesyen bagi golongan muda pada zaman sekarang. Tambahan pula sekarang banyak teknologi yang canggih yang mampu mempengaruhi mereka dalam pelbagai jenis keadaan

## BAB 2: KAJIAN PUSTAKA

### 2.1 Istilah

#### i) *Modesty Fashion*

Berdasarkan konsep sopan yang perlu diwujudkan dalam menghasilkan rekabentuk busana pengantin, umum mengetahui bahawa rekabentuk busana yang mempunyai ciri sopan ini sangat digalakkan. Kebanyakan masyarakat kini masih lagi mengekalkan ciri kesopanan dalam menghasilkan busana pengantin akan tetapi ia nya juga masih diseimbangi dengan ciri moden. *Modest Fashion* adalah bermaksud kecenderungan berfesyen yang lebih sopan yang tidak menampakkan kulit, terutama dengan cara yang memenuhi syarat kerohanian dan gaya mereka untuk alasan iman, agama atau keinginan peribadi. Dalam kata lain *modest fashion* ialah ianya berbeza antara budaya dan negara. Ianya tidak ada pentafsiran yang jelas kerana ianya dipengaruhi oleh ciri-ciri sosiobudaya sesuatu kaum atau budaya sesuatu masyarakat tersebut.

Menurut Ikhlas Hussain (2021), kesopanan bermaksud menjaga dan menutup bahagian peribadi individu dan berpakaian dengan cara yang menutupi badan sendiri. Tetapi ia lebih daripada sekadar cara berpakaian, tetapi juga cara tingkah laku. Jadi untuk bersikap sederhana tidak hanya berkaitan dengan pakaian

di tubuh individu tetapi ia juga merupakan cara individu bertindak, dengan cara yang tidak sopan, sopan, baik hati, dan rendah hati.

Menurut El Guindi (1999) dari segi *physical modesty* pula, konsep kesopanan ialah konsep yang ditangani dalam ajaran Islam dari pelbagai sudut. Konsep kesopanan ini banyak dijelaskan dalam Islam. Dari segi fizikal, kesopanan adalah sesuatu yang dihubungkan dengan awra', istilah Arab bermaksud ialah 'menyerang kelemahan' atau sesuatu yang mesti dilindungi dan ditutupi dan terdiri daripada bahagian tubuh peribadi manusia. Oleh kerana Islam telah menjadi satu kebiasaan, manakala kesopanan pula merupakan pusatnya, kesopanan dalam berpakaian merupakan satu komponen yang sangat jelas dan sangat penting yang perlu diutamakan. Berbicara mengenai kesopanan dalam berpakaian ini ianya memberi tumpuan utama iaitu terutamanya kepada golongan wanita, dan pakaian wanita itu dipakai dikhalayak ramai, dalam kata lain pakaian yang dipakai bersama orang asing ( bukan mahram). Ini bermakna ruang awam atau di khalayak ramai ditakrifkan sebagai 'bersama orang asing' daripada 'di luar rumah' .

Aspek atau komponen yang utama yang diperlukan dalam pakaian Islam untuk wanita adalah pakaian yang menutup bahagian kepala dan longgar, menutupi seluruh badan, kecuali tapak tangan dan muka. Pakaian yang berkain nipis atau jarang juga tidak digalakkan sehingga menampakkan tubuh badan seseorang. Tambahan pula, pakaian traditional bagi wanita beragama Islam di Malaysia adalah pakaian utamanya merupakan Baju Kurung iaitu baju Melayu dengan skirt panjang, lengan panjang dan leher ketat dan bagi menutupi di bahagian kepala seseorang pula ialah menggunakan selendang atau hiasan kepala kecil, telekung mini atau juga dikenali dengan kelubong ( seperti yang dinyatakan oleh Aisha Wood Boulanouar dalam (Lie 2000).

Terdapat beberapa ciri sopan yang perlu ada dalam busana pengantin yang beragama islam menutup aurat iaitui:

**a) Menutup aurat**

Contohnya perlu berlembang panjang dan tidak pendek potongannya terutama pada bahagian punggung. Rekabentuk busana pengantin mesti labuh sedikit menutupi bahagian punggung. Potongan jenis jubah atau baju kurung biasa adalah sangat menepati bagi mereka yang ingin nampak sopan dan anggun di majlis perkahwinan. Selain itu, ciri lain ialah tidak jarang. Tidak jarang ini dalam konteks busana adalah bermaksud kain yang digunakan adalah tidak jarang sehingga menampakkan susuk badan si pemakainya. Sebaik-baiknya ialah busana pengantin tersebut harus mempunyai lapisan lain di dalam (*inner*) untuk memastikan ianya tampak lebih sopan.

**b) Tidak terlalu ketat**

Hal ini dikatakan sedemikian kerana, dalam pemilihan fabrik juga memerlukan ketelitian, seperti fabrik yang tidak mudah lekat di tubuh apabila digayakan. Contoh fabrik seperti *lycra* atau satin yang mana merupakan fabrik yang boleh mengikut tubuh badan apabila mengenakan busana pengantin tersebut kerana sifatnya yang mudah melekat pada tubuh badan. Penggunaan fabrik ini tidak digalakkan tetapi ianya masih boleh diguna tetapi berdasarkan kepada rekabentuk busana yang dihasilkan tersebut. Dari segi pemilihan warna juga penting untuk mengekalkan ciri sopan dalam berbusana. Ini kerana, ketika memilih warna untuk apa sebagai warna tema busana pengantin, pemilihan warna yang tidak terlalu

menonjol dan terang kerana mampu menarik perhatian orang ramai dan keadaan itu tidak digalakkan.

**c) Dari segi perhiasan**

Dari segi perhiasan pula ialah seperti hiasan manik atau ropol-ropolan yang terlalu sarat sangat adalah tidak sesuai dan tidak digalakkan. Ini kerana Islam juga mengajar bahawa bersederhana dalam berhias. Bukan sahaja dalam berhias malah bersederhana dalam semua bentuk keadaan. Hiasan yang ringan dan tidak terlalu sarat diutamakan tetapi ianya menimbulkan eksklusif adalah lebih baik untuk digayakan.

Menurut Rumah Melayu (2019), pakaian orang Melayu yang paling popular dikenali oleh semua ialah baju kurung untuk yang wanita dan baju melayu untuk lelaki. Cara pemakaian ini sebenarnya adalah dipengaruhi oleh agama Islam yang mula menyerap masuk di Tanah Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Sebelum adanya pengaruh Islam, pemakaian orang Melayu banyak dipengaruhi oleh agama Hindu-Budhha. Cara berpakaian mereka adalah sangat ringkas dan bersahaja. Ada ciri-ciri yang menunjukkan cara mereka berpakaian seperti pakaian Melayu. Bagi yang lelaki, mereka hanya menggunakan dua helai kain, satu untuk menutupi kepala dan satu lagi sebagai sarung.

Bagi yang wanita, tiga helai kain digunakan sebagai kain sarung, kain kembangan dan kain selendang. Perbezaan status antara mereka dapat dilihat melalui penggunaan jenis fabrik yang mahal. Antara contoh busana dahulu adalah seperti baju kurung. Pemakaian baju kurung tersebut dilengkapi dengan kain sarung panjang sehingga buku lali dan juga ada penutup di bahagian kepala iaitu dipanggil

kerubung. Semakin hari perubahan rekabentuk busana tersebut semakin bertambah dan wujudnya baju kebaya, baju kurung Riau, baju kurung moden dan sebagainya. Perubahan tersebut seiring dengan perkembangan dan kemajuan ekonomi yang mana saban hari saban canggih membuatkan banyak idea atau pengaruh rekaan busana menjadi lebih moden.

<https://sites.google.com/a/ipgkbm.org/rumahmelayu/pakaian-tradisional-melayu>

Selain itu, penggunaan kain batik juga boleh dijadikan satu solusi untuk dijadikan sebagai busana pengantin yang lebih traditional. Umum mengetahui bahawa, batik merupakan satu penghasilan yang sangat rumit dan mempunyai sifat traditional dan nilai yang tinggi. Ini kerana dari segi kualiti penggunaan warna dan juga proses pembuatan yang lama tersebut membuatkan nilai batik itu tinggi dan ada ciri traditional kepada setiap corak yang dihasilkan. Dina Lathifa mengatakan bahawa batik mempunyai nilai yang berbeza berdasarkan proses pembuatannya yang mengambil masa yang lama dan mempunyai nilai tertentu mengikut motif dan corak batik yang dilukis tersebut ( seperti dinyatakan dalam Saliha Fashion, 2017)



Gambar 1: Contoh Kain Batik Traditional (Sumber : Saliha Fashion)

ii) **Red Rose**

*Rose* sering dikaitkan dengan cinta dan percintaan. Disebalik bunga mawar ini terselit jutaan maksud untuk mengepresikan sesebuah cinta kepada seseorang. Menurut FTD FRESH (2017), rose juga boleh dikaitkan dengan kerahsiaan istilah 'sub rosa'. Yang membawa maksud dibawah bunga mawar, berasal dari zaman kuno. Orang Rom akan menggantung dari siling ruang perjamuan, dan ianya difahami bahawa apa-apa yang dikatakan di bawah pengaruh arak harus dirahsiakan

Menurut Fresh Flowers (2019), hingga hari ini, pemberian bunga mawar merah tetap menjadi satu pilihan dan cara yang tepat untuk menyatakan cinta romantik kepada seseorang. Simbolisma bunga *rose* berbeza mengikut warna mawar dan berapa banyak mawar yang diberikan. Ianya mempunyai maksud tertentu bagi setiap kuntuman rose yang diberikan. *Red rose* memberi simbol kepada makna cinta dan percintaan dan ianya merupakan satu simbolik yang sangat sempurna untuk *Valentine's Day Rose*.

Selain itu, *red rose* juga dikaitkan dengan cinta dan semangat selama beberapa ribu tahun. Menurut mitologi Yunani dan Rom, *red rose* sering dikaitkan dengan Aprodhite, Dewi Cinta. Pada tahun 1794 penyair Scotland, iaitu Robert Burns telah membandingkan cintanya dengan bunga dan dia telah menyatakannya dalam puisi indahnyanya iaitu *A Red, Red Rose*. Di Eropah pula, semasa Era Victoria, pertunjukan kasih sayang umum disukai, dan *red rose* biasanya digunakan untuk mengirim pesan cinta kepada seseorang yang disayangi. Hingga hari ini, pemberian



bunga mawar merah tetap menjadi satu pilihan dan cara yang tepat untuk menyatakan cinta romantik kepada seseorang.

Walaupun mustahil untuk menemukan konsistensi dalam mengetahui simbolisma bunga *red rose* tersebut kerana maknanya sering berubah dari masa ke masa dan *red rose* adalah salah satu daripada beberapa contoh yang boleh dikemukakan dengan makna yang kekal dan universal dalam sesuatu hubungan cinta. Warna merah adalah warna yang penting dan merupakan salah satu warna yang menjadi warna kesukaan setiap orang, dengan mawar merah yang diperkirakan ianya dapat menyampaikan sesuatu emosi yang mendalam, mawar merah juga terang mewakili cinta dan *burgundy* sering digunakan untuk menyampaikan mesej cinta kepada seseorang. Pemberian bunga mawar merah juga penting, ini kerana ianya melambangkan kepada cinta muda, tidak bersalah, kesucian dan merupakan sesuatu lambang keindahan yang bersahaja.



Gambar 2 : *Subject matter* (Sumber: Imej google)



Gambar 3 : *Shade of red colour* (Sumber : Imej google)

*Red rose* mempunyai beberapa jenis bunga mawar yang berwarna merah. Mawar adalah bunga abadi yang terdapat dalam lebih dari 100 spesies dan dalam pelbagai warna. Tanaman bunga mawar merupakan tanaman berbunga yang paling popular dan paling digemari orang ramai dan digunakan di kedai bunga kerana keseragaman, keindahan dan harumannya. Mawar, dengan kombinasi unik dari batang berduri dan bunga harum, sering dihargai sebagai simbol pencapaian, penyelesaian dan kesempurnaan. Sebahagian daripadanya adalah kelopak yang rapat, sementara yang lain mempunyai daun yang longgar. Bunga mawar ini kebanyakannya mempunyai banyak kelopak yang membuatnya bertambah *elegant*. Bunga mawar tradisional biasanya berwarna merah gelap dengan batang berduri panjang. Mereka berbunga dalam sejumlah variasi, dari mawar memanjat hingga mawar mini versi mini(kecil).

Mawar merah juga melambangkan cinta dan kecantikan muda. Mawar merah merupakan satu hadiah terbaik bagi mereka yang ingin menyampaikan cinta, semangat dan rasa hormat. Mawar merah juga dipercayai melambangkan sebuah

keberanian dan juga keinginan kegembiraan. Menurut Arshi Ahmed (2020), warna mawar merah merupakan dari merah terang, merah kehitaman hingga *burgundy* dalam, setiap warna mempunyai kepentingan dengan dirinya sendiri. Merah terang bermaksud cinta, *burgundy* memberi maksud cinta tanpa sedar sementara mawar merah tua melambangkan berkabung. Bukan hanya sekadar warna, tetapi kuantiti atau bilangan kuntuman juga membawa makna dengan dirinya sendiri. Sekuntum mawar merah melambangkan cinta sementara manakala belasan menunjukkan rasa syukur. 25 mawar merah menandakan ucapan tahniah sementara 50 menandakan cinta tanpa syarat. Bunga mawar ini mempunyai maksud tertentu mengikut bilangan kuntuman yang diberi. Dan ianya juga merupakan salah satu bunga yang sangat digemari dan popular digunakan oleh setiap masyarakat dalam pelbagai bentuk keadaan terutamanya dalam menyampaikan perasaan cinta.

Menurut Arshi Ahmed (2020), ada beberapa jenis *red rose* iaitu seperti *Darcey rose*, *Darcey* adalah mawar yang sangat terkenal dan dipercayai salah satu bunga mawar yang terbaik dan paling sihat yang telah dibesarkan hingga kini. Mawar merah yang indah ini terbuka untuk menampakkan semua kelopaknya yang mana ianya tersembunyi di dalam tunasnya. Ianya terus terbuka sehingga sekumpulan stamen emas yang indah di jantung mawar muncul. Keadaan ini membuatkan bunga mawar tersebut kelihatan lebih cantik bukan sahaja hanya pada nama malah juga pada rupa bentuk bunga tersebut. Selain itu, ialah *Crhysler Imperial Rose* ialah merupakan adalah salah satu bunga mawar yang paling megah. Ianya mempunyai tunas merah yang terang yang besar dan ianya terbuka untuk mekar kelopak dalam dan kelihatan sangat indah. Bunga itu mempunyai batang yang tebal dan kurang duri dengan mempunyai daun hijau tua.

Seterusnya jenis *red rose* yang lain ialah *Champlain Rose*. Bunga ini adalah bunga mawar merah baldu gelap yang indah. Bunga ini juga diklasifikasikan sebagai bunga mawar Kordessi. Ianya menampilkan bunga merah jenis warna ceri yang mekar pada musim panas dan juga musim gugur. Bunga ini banyak dikembangkan di Kanada dan sangat terkenal dengan daya tahan dan mekar yang tahan penyakit. Bunga mawar ini mempunyai ciri-ciri dedaunan yang berwarna hijau gelap dan mirip bunga anyelir. Ia mempunyai mata kuning di hujung stamens dan sedikit berbau wangi. Bunga ini banyak mekar dari awal musim bunga hingga ke akhir musim panas.

### iii) Busana

Busana ialah bermaksud pakaian yang lengkap lagi indah pembuatannya dan juga perhiasan yang lengkap ( Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2015 ). Ini bermaksud bahawa busana ialah pakaian yang lengkap dari segi rekabentuknya yang lengkap bermula dari bahagian kepala hingga ke bahagian kaki. Setiap persalinan busana yang digunakan adalah juga merujuk kepada sesuatu kasta sesuatu masyarakat tersebut. Menurut Adilah Haji Jusoh dan Fazilah Husin, (2016) mereka mengatakan bahawa banyak nilai-nilai estetika dalam busana melayu dari segi perspektif dan gaya kreatif orang melayu zaman dahulu ( seperti yang dinyatakan dalam Azah Aziz, 2006 ).

Maksud busana yang didefinisikan oleh Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996) ialah sebagai “sesuatu yang dipakai.” Siti Zainon Ismail (1997) menyatakan bahawa istilah busana adalah berasal daripada bahasa Jawa Sanskrit yang memberi

maksud kepada berpakaian lengkap dengan perhiasan yang sempurna dan indah dipandang mata(pancaindera). Manakala, menurut Kamus Melayu Nusantara (2003: 412) pula, ianya mendefinisikan busana itu merupakan pakaian dan juga perhiasan. Definisi daripada kamus tersebut tidak menyatakan bahawa peralatan atau kelengkapan itu sebahagian daripada busana.

Mohd Rosli Saludin (2004) turut menjelaskan bahawa busana, merupakan *costume*, adalah pakaian yang terdiri daripada baju dan kainnya, di samping barang-barang kemas, peralatan solek dan hiasan kepala. Ini merupakan busana tersebut dikatakan sesuatu pakaian yang lengkap dengan perhiasan yang indah. Busana juga bermaksud memakai pakaian dengan teratur, beretika, bersopan santun dan gemilang seiring dengan adat, agama, dan suasana budaya. Busana Melayu ini merupakan sesuatu objek tidak terbatas kepada pemakaian kain dan baju sahaja tetapi ianya adalah kelengkapan adat istiadat masyarakat untuk memenuhi kehidupan yang mempunyai nilai, norma dan keindahan budaya Melayu. Menurut tradisi Melayu, telah dikenali estetika pakaian cara Melayu yang diamalkan sejak dari zaman dahulu lagi (Siti Zainon Ismail, 2009).

Seterusnya, tujuan kajian ini juga adalah untuk memastikan supaya konsep sopan dalam berbusana dapat diteruskan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Banyak rekabentuk busana pengantin terkini direka lebih kepada rekabentuk yang mengikut bentuk tubuh badan, atau penggunaan kain yang nipis dan sebagainya. Maka untuk mengekalkan konsep sopan dalam berbusana pengantin ini, banyak cara atau langkah yang boleh diambil.

Konsep sopan dalam berbusana ini sangat digalakkan terutama bagi mereka yang berbangsa melayu yang beragama islam. Ini kerana, dalam agama Islam

kesopanan dalam berbusana itu adalah sangat penting. Bukan sahaja sopan dari segi rekabentuk busana tersebut tetapi ianya harus berpandukan dengan ajaran yang sepatutnya. Konsep sopan ini harus diteruskan kerana ingin mengurangkan rekabentuk busana yang tidak sepatutnya seperti pakaian yang ketat, nipis dan sebagainya. Ini kerana, perkara seperti ini sangat mempengaruhi pemikiran dan juga gaya berfesyen bagi golongan muda pada zaman sekarang. Tambahan pula sekarang banyak teknologi yang canggih yang mampu mempengaruhi mereka dalam pelbagai jenis keadaan.

Menurut Ismail (2006) busana Melayu yang indah terbentuk adalah dari objek yang baik, dipadankan dengan sesuatu perhiasan yang baik serta dikoordinasikan secara baik di atas badan. Oleh kerana busana yang indah di zaman kesultanan Melayu Melaka tertumpu pada golongan kelas bangsawan, maka tidak hairan jika busana tersebut tidak boleh digunakan oleh masyarakat banyak. Pengertian 'baik' dalam konteks tersebut memberi maksud kepada bahan baju yang elok (sesuai dengan kelas bangsawan) serta disesuaikan dengan aksesori yang telah dibuat dari bahan mewah (sering tertumpu pada kelas bangsawan) yang digunakan sebagai pelengkap busana.



Gambar 4 : Rekabentuk busana pengantin traditional oleh pereka Salikin Sidek

( Sumber: Salikin Sidek)

Jadual 1 menunjukkan pecahan dan rekabentuk busana pengantin di negeri di Semenanjung Malaysia.

Bil.	Negeri	Rekabentuk busana
1.	Perak	Baju Melayu
2.	Pulau Pinang	Baju Kebaya Pendek
3.	Perlis	Baju Kebaya Panjang
4.	Kelantan	Baju Berkemban
5.	Kedah	Baju Kurung Kedah(pesak gantung)
6.	Pahang	Baju Kurung Pahang(tiada pesak dan berkekek)
7.	Terengganu, Melaka, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor	Baju Kurung

Jadual 1 : Rekabentuk busana traditional Melayu

i) Baju Kebaya

Baju Kebaya ialah pakaian tradisional yang dikenakan oleh wanita di Malaysia dan juga wanita di Indonesia. Menurut ( Bomstart dalam Omar Ali, 2019 ) ianya dikenali sebagai Abaya dalam Bahasa Arab, ianya kemudiannya mula disebarkan ke negeri Melaka, Sumatera, Bali, Jawa dan Sulawesi. Pakaian ini sebenarnya telah menjadi satu pakaian yang melambangkan kekuasaan, seperti yang diamalkan masyarakat Jawa. Ianya diperbuat daripada kain kasa yang dipasangkan dan dipadankan dengan sarung, batik, atau pakaian tradisional yang lain seperti songket dengan motif warna-warni. Pakaian yang mirip dengan panggilan "nyonya kebaya" diciptakan pertama kali oleh orang-orang Peranakan daripada Melaka. Mereka mengenakannya dengan sarung dan kasut cantik bermanik-manik yang disebut "kasut manek". Kini, nyonya kebaya sedang mengalami pembaharuan, dan juga terkenal dalam kalangan wanita bukan Asia. Terpisah daripada kebaya tradisional, ahli fesyen sedang mencari cara untuk memodifikasi rekabentuk dan membuat kebaya menjadi pakaian yang lebih moden. Kebaya yang dimodifikasi dalam reka bentuk busana pengantin di dua buah negeri Perlis dan Pulau Pinang. Kata Bomstart lagi, jika fesyennya yang sebelum ini diperuat daripada tenunan mori menggunakan sutera, ianya mula menjadi menarik dengan sulaman berwarna-warni.





Gambar 5 : Contoh baju kebaya

ii) Baju Kurung Kedah

Menurut JKKN (2020) ianya dipercayai berasal dari Selatan Thai. Pengaruh Siam dapat dilihat pada busana traditionl Kedah. Antaranya ialah Baju Kurung Kedah yang mana hampir sama dengan blaus pendek Siam, yang mana potongannya agak singkat dari baju kurung biasa. Namun ianya sepadan bila digayakan dengan kain sarung lipat. Baju tersebut menyerupai blaus pendek dibuat singkat sampai ke paras punggung di selatan Thai. Baju Kurung Kedah terdiri daripada baju yang longgar dan diperbuat daripada kain cita (kapas) yang berbunga kecil ataupun kain kasa tebal atau nipis yang jarang serta potongan leher bujur sireh. Baju Kurung Kedah dipakai bersama kain sarung. Kain sarung diikat ambak mengalir dan dimasukkan sebelah kiri atau kanan.



Gambar 6 : Baju kurung Kedah

iii) Baju Melayu

Menurut Kay Suhaimi (2019), baju Melayu merupakan satu baju yang mana sangat rapat dan tidak dapat dipisahkan daripada budaya orang Melayu. Baju Melayu ini mula diperkenalkan pada sekitar 700 tahun yang lalu. Ianya mula diperkenalkan oleh Sultan Muhammad Shah yang mana merupakan tokoh yang sangat kaya dengan falsafah berbusana, di empayar Melaka. Evolusi baju Melayu adalah bermula dengan pengubahsuaian yang dilakukan dan ianya telah mendapat keizinan dari sultan. Reka bentuk baju Melayu pada mulanya ialah ketat dan berseluar singkat dan ianya diubah kepada reka bentuk yang lebih longgar dan labuh. Pada hari Jumaat, semua lelaki Melayu dikehendaki pergi ke masjid dengan memakai sepersalinan bersih dan cantik lengkap bertanjak dengan wangian kasturi. Baju Melayu, baju Sikap atau baju Layang adalah berlengan pendek (3

suku). Ada juga reka bentuk baju Melayu yang telah dibuat tidak berlengan. Baju Melayu pada asalnya semua dicipta dengan leher “teluk belanga” dan “cekak musang”. Ia hanya boleh dipakai oleh Raja atau Sultan sahaja. Setelah mangkatnya Sultan Mahmud Shah II(mangkat dijulang) pada tahun 1699, beliau telah mengubah reka bentuk dalam pemakaian baju dan seluar dengan memanjangkan kain sehingga ke pangkal lengan (baju) dan ke pangkal buku lali (seluar). Semua buatan baju Melayu dan seluar tersebut adalah berkekek dan berpesak.



Gambar 7: Contoh Baju Melayu

iv) Baju Kurung Pahang

Baju Kurung Pahang atau dikenali sabagai Baju Kurung Riau Pahang pula telah menyingkap pertalian sejarah antara kedua negeri iaitu Riau dan Pahang. Riau dan Pahang adalah dua buah negeri yang berjauhan, tetapi

perhubungan politik dan sosial budaya yang terjalin sewaktu zaman Kerajaan Melayu Melaka terserlah apabila terciptanya potongan pakaian ini yang juga dikenali sebagai Baju Belah atau Baju Kebaya Turki. Ianya berbeza dengan pesak baju kurung, kedua-dua bahagian tepi Baju Kurung Riau Pahang berpesak kembang yang disambungkan kekek gantung. Menurut Siti Zainon (2006), baju kurung ialah pakaian yang popular dalam kalangan orang Melayu pada ketika itu. Pakaian ini adalah merujuk kepada pola panjang untuk baju wanita dan mempunyai ciri khusus yang boleh membezakannya dengan pakaian yang lain. Kurung mempunyai persamaan dengan konsep pakaian menutup anggota tubuh berdasarkan konsep cara Islam. Terdapat beberapa jenis kurung telah mendapat inspirasi, ianya adalah daripada Kurung Pahang, Kurung Kedah, Kurung Cekak Musang dan Kurung Teluk Belanga. Merujuk kepada rekaan busana pengantin dari empat jenis reka bentuk busana yang utama iaitu baju Melayu, baju kebaya, baju berkemban dan baju kurung, setiap rekabentuk yang dihasilkan mempunyai ciri yang khusus tersendiri.



Gambar 8 : Contoh baju kurung Pahang

## 2.2 Simbolik warna merah

### i) Budaya

Warna merah mempengaruhi pelbagai budaya dan mempunyai simbolik tertentu untuk sesetiap budaya tersebut. Untuk budaya orang Cina, warna merah merupakan satu warna kemeriahan kepada mereka. Menurut FMT (2018), warna merah adalah dikaitkan dengan elemen api, rasa gembira serta juga tuah. Jadi, warna ini sama sekali dilarang digunakan pada majlis berduka. Ianya menjadi pilihan pada hari kebesaran dan juga untuk hari sambutan. Sarung ang pau serta lampu tanglung serta hiasan digantung pada Tahun Baru Cina banyak menggunakan warna merah, bertujuan menambah tuah atau menghalau perkara-perkara buruk berlaku. Warna merah bagi budaya orang Cina menjadi keutamaan dalam pelbagai sudut dan keadaan kerana ianya dikatakan boleh membawa tuah mengikut keadaan yang sepatutnya.

Karakter 红 (hóng) bermaksud merah. Umum mengetahui bahawa masyarakat Cina memang terkenal dengan warna merah. Mengikut tradisi masyarakat Cina, warna merah merupakan warna matahari. Mereka percaya bahawa mereka berasal daripada penciptaan alam semulajadi. Justeru, warna merah jua melambangkan tuah, cinta, maruah, kebahagiaan, kejayaan serta kehidupan yang sukses. Selain itu, ketika berlangsungnya perkahwinan masyarakat Cina, rumah mereka banyak didekorasi meriah dengan perhiasan berwarna merah. Perkahwinan mereka juga turut dipanggil sebagai “红事儿” (hóngshìr) yang mana telah memberi maksud kepada *happy event*.

Menurut Jiha Jahari ( 2020 ) pengantin lelaki dan pengantin perempuan akan memakai pakaian pengantin yang serba merah. Bunga yang berwarna merah juga akan dipakai oleh pengantin perempuan pada bahagian hadapan baju pengantin. Dinding-dinding di rumah mereka juga turut ditampal dengan karakter “喜” (xǐ) yang bermaksud tuah .

Bagi budaya orang India pula, warna merah juga mempunyai maksud dan peranan tertentu. Orang India juga gemar dengan warna merah. Menurut Zulfa Fadhila (2017), warna merah ini merupakan simbol warna dari kehidupan-kehidupan baru yang akan datang. Sebuah pernikahan menunjukkan perubahan yang signifikan dalam kehidupan seorang wanita tradisional India. Sebuah pernikahan di India terkenal kerana warna-warna cerah dan terang. Sekumpulan warna dan bersinar meningkatkan keberuntungan dalam kehidupan baru kaum mereka. Warna merupakan satu simbolik yang memegang posisi penting dalam budaya India. Setiap rona dan warna menandakan banyak aspek dalam kehidupan kepada mereka. Bagi mereka, warna merah sering dikaitkan dengan cinta dan ghairah. Dalam konteks orang India, merah juga terhubung ke matahari terbit. Oleh itu, pengantin Hindu diminta untuk memakai pakaian berwarna merah selama proses pernikahan kerana itu singkatan kemakmuran dan juga memberi makna kepada kesuburan. Dalam konteks budaya, tradisi Hindu telah menyatakan bahawa perempuan yang menikah di India perlu mempamerkan bindi merah. Sebuah bindi hitam pula dimaksudkan untuk anak perempuan tunggal.

Henna yang digunakan adalah untuk menghias telapak tangan perempuan selama acara-acara khusus dan ianya juga berwarna merah. Perayaan untuk pernikahan India ini kebiasaannya berlanjutan selama beberapa hari berturut-turut. Selain itu, warna merah juga memberikan bentuk yang berbeza dalam sebuah

penampilan dan dalam semua upacara. Dalam kesempatan itu, hampir semua wanita di bahagian negara yang dihiasi dalam pakaian pengantin kebanyakannya menggunakan warna merah kerana kesucian warna dalam agama Hindu.

Seorang pengantin perempuan dengan mengenakan pakaian tradisional India yang berwarna merah tampak menakjubkan dan sangat menarik. Ini kerana, warna merah merupakan warna yang sangat sesuai dengan segala jenis kulit dan meningkatkan seri kecantikan dan pesona pengantin. Kerana itu pilihan warna merah ini menjadi keutamaan bagi pengantin. Merah selalu menjadi pilihan pertama untuk pengantin kerana, ianya memastikan bahawa akan menjadi keberuntungan dalam hari istimewa mereka.

Bagi masyarakat kaum Melayu, mereka mempunyai tiga warna utama iaitu merah, kuning dan hijau. Bagi setiap warna tersebut mempunyai maksud dan tujuan tertentu. Tiga warna ini diperolehi untuk nilai dan kepentingan tersendiri. Bagi warna hijau, ia adalah warna tradisional kepada Islam, dimana iman merupakan bahagian penting bagi budaya masyarakat Melayu yang beragama Islam.

Warna kuning pula ialah melambangkan warna diraja yang sering dikaitkan dengan sultan-sultan Melayu, dan ianya digunakan untuk menegaskan kesetiaan dan kepatuhan orang Melayu kepada raja-raja mereka. Seterusnya ialah warna merah iaitu memberi maksud kepada warna tradisional dalam budaya Melayu. Ianya digunakan untuk menunjukkan keberanian, kepahlawanan dan kesetiaan. Warna merah jambu yang dikatakan warna kesumba merah yang sama dengan kain merah yang dikaitkan dengan dengan darah, adalah merupakan warna eksistensi orang Melayu dan merupakan salah satu warna yang sering dinyatakan dalam kesusasteraan.

Warna merah juga diperincikan sebagai dengan warna emas merah, merah padi dan juga merah cahaya matahari. Penampilan warna yang paling menonjol untuk orang Melayu dapat ditemukan pada pakaian. Sebagai contoh dalam menjelaskan gambaran pakaian Hang Tuah seperti terlihat dalam Hikayat Hang Tuah. Dalam budaya masyarakat Melayu, warna merah mempunyai 26 jenis warna merah. iaitu merah tua, merah muda, merah darah, merah darah ikan, merah hati, merah kesumba, kesumba muruk, merah jambu atau merah bunga, pulut-pulut, merah lebam, merah malar, merah muruk, merah merang, merah marah, merah menjahang, merah menyala, merah padam, merah dadu, merah lembayung, merah pulasan, merah bunga raya, merah bunga cempaka, merah Melayu, merah telur, merah mawar atau kembang petang dan mengseta atau ianya juga turut dikenali sebagai merah.

## ii) Psikologi

Alam disekeliling kita banyak menyajikan warna yang sangat kaya, lebih kaya dari sekadar warna pelangi. Psikologi warna mengajar kita mengenai persepsi manusia tentang warna yang ada dalam kehidupan seharian. Hati seringkali menyingkap erti warna yang terlihat oleh penglihatan. Warna juga mempunyai hubungan dan karakter yang rapat dengan manusia. Warna memainkan peranan yang sangat penting dan amat besar dalam kehidupan seseorang. Warna berkaitan dengan *spectrum* dan *spectrum* adalah gelombang yang dikesan oleh pancaindera manusia. Setiap warna mempunyai makna yang tersendiri dan dipercayai boleh mempengaruhi tindak tanduk seseorang itu.



Menurut MyHealth (2018) bagi warna merah, merah adalah warna api, sinaran matahari dan warna darah. Warna ini memberi kesan kehangatan, kebahagiaan, keberanian, semangat, kekuatan, keghairahan dan juga merupakan tanda peringatan. Dalam psikologi, warna merah ini merupakan simbol dari tenaga, tindakan, kekuatan dan kegembiraan. Dominasi dari warna merah mampu merangsang indera seperti meningkatkan nafsu makan dan ghairah seksual. Secara negatifnya pula, warna merah dicanangkan atau diberi erti dengan kekerasan dan kecemasan. Pengemar warna merah juga dikatakan merupakan seorang yang bersifat pendendam, tamak dan mempunyai perasaan yang mudah tersinggung. Bagi menjaga keseimbangannya warna merah baik jika dipadukan dan dipadankan dengan warna biru muda. Ini kerana, warna merah merupakan warna panas dan warna biru pula merupakan warna sejuk. Maka, ada keseimbangan disitu yang mampu mengubah persepsi, emosi dan juga dari segi sifat seseorang.

Orang yang suka warna merah ialah merupakan sejenis yang seorang yang tegas, berani, yakin. Sebagai contohnya ialah warna api, ianya merupakan memanaskan warna merah, tetapi juga boleh menyebabkan keterlambatan. Oleh itu, peminatnya agresif dalam ketegasan mereka. Sering kali mereka bertindak tanpa berfikir, tetapi optimis terdesak mereka adalah dari sudut pandangan dunia. Wanita dengan warna ini telah menekankan kepada seksualiti dan juga kepada daya tarikan mereka. Tetapi dari segi manifestasi ekstrimnya boleh dinyatakan dalam keangkuhan dan kesombongan iaitu merujuk kepada sifat seseorang. Ianya hanya dapat dilihat secara fizikal sahaja. Gabungan warna merah dan warna kuning - oren, menggabungkan diri dan kualiti mereka. Inilah merupakan warna yang memberikan simbol kepada kegembiraan. Orang yang mencintainya sangat bertenaga dan ceria. Mereka merupakan seseorang yang kreatif yang mana mereka sentiasa penuh

dengan idea-idea baru. Mereka mempunyai banyak cabang idea dalam pelbagai sudut. Ianya juga merupakan sejenis warna yang mesra, seimbang dan tidak bercanggah.

Kesan positif warna merah adalah ia merupakan sesuatu yang menyegarkan dan *toning*. Ianya berguna dalam sesuatu keadaan atau dalam situasi yang gelisah dan kemurungan, untuk mengatasi kelemahan dan kegelisahan tersebut. Ianya juga dapat meningkatkan keyakinan diri individu dan juga dapat meningkatkan mood seseorang. Ia juga adalah sesuai digunakan dalam situasi yang perlu untuk mempertahankan pendapat seseorang tersebut. Kelimpahan warna merah boleh menyebabkan keganasan dan juga kerengsaan. Dalam kuantiti sederhana, ia menghangatkan, meningkatkan daya metabolisme seseorang, meningkatkan tekanan darah. Warna merah ini memberi banyak kesan yang positif dan juga sebaliknya berdasarkan kepada cara individu tersebut menggunakan warna merah sesuai dengan keadaan yang tertentu.

### 2.3 Manfaat Penyelidikan

Terdapat beberapa manfaat yang boleh dijelaskan berdasarkan kajian kes yang dikaji ini. Antaranya ialah berdasarkan tajuk ‘Rekabentuk Busana Pengantin Yang bertemakan Red Rose ini, manfaat yang dapat di jelaskan ialah seperti rekabentuk busana yang dihasilkan adalah berdasarkan kepada subject matter yang dipilih iaitu *Red Rose*. Contohnya, seperti subjek kepada lukisan Mona Lisa adalah wanita di barisan hadapan, itu merupakan perkara paling penting yang difokuskan dalam lukisan, itulah yang menarik perhatian mata anda. Rekabentuk bunga mawar ini mempunyai rekabentuk yang sangat menarik dari segi kelopak bunga tersebut dan juga warnanya. Untuk menghasilkan rekabentuk busana pengantin, *subject matter red rose* ini adalah yang digunakan sebagai satu aras panduan untuk mengeluarkan idea-idea yang menarik sebelum menghasilkan busana tersebut.

*Red Rose* dipilih adalah disebabkan rekabentuk bunga tersebut tidak terlalu rumit untuk dilakar untuk dijadikan rekabentuk kepada penghasilan busana pengantin tersebut. Berdasarkan tema *red rose* ini juga, ianya dipilih sebagai *subject matter* utama ialah kerana keanggunan dan kemeriahan warna merah tersebut. Bunga mawar mempunyai banyak jenis dan juga mempunyai pelbagai jenis warna, akan tetapi bunga mawar merah yang dipilih sebagai subject matter kerana red rose mempunyai maksud yang tersendiri seperti lambang cinta dan juga percintaan. Ianya sesuai dengan pemilihan tajuk yang mana menceritakan tentang busana pengantin dalam sesuatu perkahwinan. Warna merah pada bunga Mawar sangat identik dengan perasaan cinta. Namun, lebih dari itu bunga mawar warna merah memiliki makna kepada perasaan atau emosi yang sangat mendalam.

Perasaan itu sendiri boleh berupa rasa cinta, kerinduan, penyesalaan, ataupun harapan. Selain itu, warna banyak juga yang menunjukkan bahawa jumlah dari bunga mawar merah mempunyai makna tersendiri.

Di Malaysia, kebanyakan masyarakat menjadikan busana pengantin yang berwarna putih ini dipakai pada majlis akad nikah. Maka untuk mengelakkan daripada pemilihan warna busana pengantin hanya warna putih, mereka harus membuat pilihan warna tersebut secara rawak bukan hanya warna putih semata-mata. Keadaan ini boleh mengubah persepsi pemilihan warna busana pengantin bagi masyarakat di Malaysia.

Seterusnya ialah berdasarkan pernyataan masalah kedua iaitu, kurangnya rekabentuk busana pengantin yang berkonsepkan rekabentuk busana yang sopan. Berdasarkan pernyataan masalah ini, manfaat yang diperolehi ialah mengajak dan menyeru setiap peng gaya busana sama ada busana pengantin atau sebagainya untuk terus mengekalkan konsep sopan dalam menghasilkan rekabentuk busana. Menurut Siti Zainon Ismail 2009, (dalam Johannes Kalter (1984, 81) '*clothing and jewellery together make up the costume of mankind*'). Ini menjelaskan bahawa tindakan dan perilaku juga dianggap sebagai 'pakaian yang baik' yang harus ada pada diri setiap individu. Bagi busana pengantin, umum mengetahui bahawa kebanyakan rekabentuk busana yang dihasilkan kebanyakannya tidak sopan malah ada digayakan secara berlebihan.

Malaysia merupakan sebuah Negara Islam, bagi mereka yang beragama Islam, peradaban dalam berbusana itu harus bercirikan sopan. Ini kerana perkara ini sudah dijelaskan dalam Islam. Ianya juga bertujuan untuk menjaga imej negara dan juga agama serta budaya dan juga imej sesuatu kaum tersebut. Berpakaian dengan

sopan ini juga dapat mengelakkan pandangan serong orang bukan Islam untuk mereka yang beragama Islam. Keutamaan agama dalam berpakaian mesti diutamakan supaya ianya tidak luput kerana perubahan teknologi dan pemikiran masyarakat sekarang.

Selain itu, berdasarkan pernyataan permasalahan ketiga yang dibincangkan iaitu kurangnya konsep traditional dalam menghasilkan rekabentuk busana pengantin. Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2015) traditional ialah dimaksudkan dengan bersifat atau bercorak tradisi iaitu masyarakat yang mengamalkan cara hidup yang turun temurun. Manfaat yang dapat dijelaskan ialah untuk memastikan konsep traditional dalam berbusana pengantin ini sentiasa mendapat tempat di hati penggaya busana pengantin. Hal ini diperkatakan sedemikian kerana, jika konsep ini sentiasa dihidupkan dan diteruskan sama ada dalam busana pengantin atau sebagainya, ianya mampu mengangkat balik martabat rekabentuk pakaian traditional terdahulu seperti yang digayakan pada zaman Melayu terdahulu. Ianya juga bertujuan untuk mendorong golongan muda yang baru mengenal dunia fesyen untuk lebih menghargai sejarah berbusana yang dihasilkan dari zaman dahulu sehinggalah sekarang yang mana wujudnya pelbagai perubahan rekabentuk busana pengantin yang dihasilkan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA

KELANTAN

## BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

### 3.1 Pendahuluan

Anwar Hidayat (2016) menyatakan metodologi ialah dimaksudkan dengan cara untuk mengetahui dari hasil permasalahan yang spesifik yang mana sesebuah masalah yang dikaji adalah sangat teliti. Dalam metodologi, banyak kriteria yang berbeza dipecahkan untuk meneliti masalah yang ada dengan menggunakan pelbagai kaedah yang betul (paras 1-2). Anwar Hidayat menjelaskan apabila kita membicarakan tentang ‘Metodologi’ itu merupakan cara untuk mencari atau membahagikan masalah penelitian (seperti dinyatakan dalam Research Institute Industry, 2010).

Berdasarkan metodologi, metodologi juga merupakan cara atau kaedah yang digunakan untuk menyelesaikan masalah yang dikaji berdasarkan tajuk kajian yang dikaji. Universiti Teknologi Mara (2017) menyatakan bahawa kaedah adalah merupakan cara untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan kajian penyelidikan yang di kaji (para 1). Universiti Teknologi Mara juga menyatakan bahawa ‘Kaedah penyelidikan kajian merupakan cara atau langkah yang diambil untuk mencapai objektif yang dinyatakan di dalam kajian penyelidikan’ (seperti dinyatakan oleh Ahmad Madzhan Ayob 1995:44). Secara umumnya, kaedah utama yang digunakan dalam penyelidikan untuk mendapatkan penelitian maklumat ialah terbahagi kepada dua iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif.

### 3.2 Kaedah Kualitatif

Berdasarkan kajian yang dibuat, menurut Universiti Teknologi Mara (2017) kaedah yang digunakan dalam meneliti maklumat dan menyelesaikan masalah yang dihadapi ialah menggunakan kaedah kualitatif.

Berdasarkan kaedah kajian iaitu kaedah kualitatif, kaedah yang digunakan ialah berdasarkan membuat kajian kes. Kajian kes yang dibuat adalah berdasarkan tajuk kajian yang telah dipilih. Dalam membuat kajian berdasarkan kajian kes, segala permasalahan yang dihadapi dicatat bagi melengkapkan dan bagi memudahkan pengkaji mencari jalan penyelesaian dalam menyelesaikan setiap masalah yang dinyatakan.

Selain itu, berdasarkan kajian kes yang dibuat, terdapat objektif yang dibuat dan ia adalah salah satu cara bagi menyokong tajuk kajian yang dibuat untuk melengkapkan kajian tersebut. Objektif kajian yang dibuat adalah berdasarkan permasalahan kajian yang telah dinyatakan dalam kajian kes ini. Keadaan ini dapat membantu pengkaji dalam mencari maklumat lain bagi melengkapkan kajian kes tersebut. Kajian kes yang dibuat juga ada sasaran utama yang ingin disasarkan bagi melengkapkan kajian ini. Berdasarkan kajian kes yang dibuat dan berdasarkan pemilihan tajuk yang terpilih, kajian yang dibuat adalah terbuka kepada semua golongan masyarakat. Ianya tidak terhad kepada mana-mana responden. Kajian yang dibuat adalah secara keseluruhannya merangkumi semua golongan. Ini kerana bagi membantu dan menyokong pengkaji dalam menyiapkan kajian kes yang dibuat

### 3.3 Kaedah Kepustakaan

Seterusnya pengkaji juga menggunakan kaedah kepustakaan bagi mengukuhkan kajian terhadap ‘Rekabentuk Busana Pengantin Bertemakan *Red Rose*’. Kaedah perpustakaan ini pengkaji buat di Perpustakaan Awam Kuala Krai dan juga di Perpustakaan Desa di Kg. Manek Urai.

Melalui kajian ini, pengkaji boleh membuat kajian dengan merujuk kepada bahan bacaan seperti jurnal, majalah, surat khabar dan juga buku-buku yang berkaitan dengan kajian tersebut. Pengkaji membuat rujukan tentang rekabentuk busana pengantin traditional, maksud bunga mawar dan sebagainya yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dipilih untuk mendapatkan maklumat.

### 3.4 Kaedah Pengumpulan Data

Bagi kaedah pengumpulan data, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian untuk melengkapkan kajian ini. Kaedah ini membantu pengkaji dalam mengumpul maklumat dan juga data yang sepatutnya yang selaras dengan kajian yang telah dijalankan.



### 3.5 Menganalisis Data

Bagi menganalisis data ini, setelah pengkaji membuat pemerhatian, setiap data dicatat berdasarkan pemerhatian yang dilakukan. Langkah seterusnya yang diambil ialah menganalisis data. Ianya di buat melalui explorasi atau pemerhatian yang telah dibuat di bengkel atau di studio.

### 3.6 Batasan Kajian/ Skop Kajian)

#### a) Batasan Objek Penelitian ( *tangible* )

Berdasarkan kajian yang dibuat, fokus produk atau objek ialah busana pengantin. Busana pengantin adalah merupakan pakaian utama pengantin untuk dipakai pada majlis perkahwinan. Rekabentuk busana yang dikaji adalah berkonsepkan sopan dan traditional dan ianya seiring dengan penggunaan *subject matter* utama.

#### b) Batasan Lokasi

Merujuk kepada batasan lokasi, lokasi atau tempat yang di pilih ialah di Malaysia. Ianya tidak memberi fokus utama kepada wilayah atau fokus tempat-tempat tertentu tetapi ianya adalah secara umum. Ianya adalah penghasilan busana pengantin bertemakan *red rose* adalah untuk masyarakat di Malaysia.

### 3.7 Data

Berdasarkan kajian yang dibuat, untuk mengumpul maklumat yang diperolehi, kaedah data dokumen bertulis telah dibuat. Ianya ialah menggunakan kaedah soal selidik. Soal selidik dibuat secara atas talian bagi memudahkan proses soal selidik tersebut. Ada beberapa soalan yang berkaitan ditulis untuk responden jawab mengikut pilihan jawapan yang diberi. Dengan adanya soal selidik ini, ianya dapat membantu pengkaji untuk membuat kajian yang dikaji.

### 3.9 Gantt Chart

	Minggu 1 hingga minggu 2	Minggu 3 hingga minggu 4	Minggu 5 hingga minggu 6	Minggu 8 hingga minggu 10	Minggu 11 hingga minggu 12	Minggu 13 hingga minggu 14
Proses menulis kajian kes Bab 1						
Proses menulis kajian kes bab 2						
Proses menulis kajian kes bab 3						
Semakan penulisan kajian kes bab 1,2,3						
Proses pembetulan bab 1,2,3						
Penghantaran penulisan						

kajian kes dan video pembentangan						
Penilaian pembentangan penulisan dan video						

Jadual 2 : Proses penghasilan kajian kes ( Semester 7)

	Minggu 1	Minggu 2 hingga minggu 3	Minggu 4 hingga minggu 5	Minggu 7 hingga minggu 8	Minggu 9 hingga minggu 10	Minggu 11 hingga minggu 14
Proses membuat design						
Proses penambahan membuat deisgn						
Pemilihan design akhir						
Membuat pola baju						
Menjahit baju						
Membuat finishing jahitan						
Pengantaran dan pembentangan produk akhir						

Jadual 3: Proses penghasilan produk akhir (semester 8)



UNIVERSITI  


---

MALAYSIA  

---

KELANTAN

#### 4.0 Diagram Proses Kajian



Gambar Rajah 1 : Diagram Proses Kajian

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 4 : ANALISIS DAN DAPATAN HASIL

### 4.1 Pengenalan

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui kaedah pemerhatian. Kaedah ini digunakan untuk membantu pengkaji untuk membuat carian berdasarkan konsep atau idea untuk membantu pengkaji dalam menghasilkan busana pengantin . Kaedah pemerhatian ini dilakukan secara mencari sumber yang berkaitan di dalam media sosial dan internet.

#### 4.1.1 *Design Concept*

Fesyen adalah konsep yang dihubungkan secara positif dengan kecantikan, gaya dan glamor. Dengan cara tertentu, fesyen adalah sejenis seni dengan budaya yang dikaji dengan kepercayaan keindahan dan kebaikan. Ini digunakan dalam konsep negatif juga, sebagai sinonim untuk trend dan status. *Design concept* yang diutamakan ialah rekaan baju yang lebih kepada rekabentuk *red rose*. Ianya merupakan rekaan baju yang memilih alam semula jadi sebagai panduan untuk menghasilkan sesuatu rekaan. Rekabentuk baju berdasarkan rekabentuk bunga *red rose* kerana itu merupakan *subject matter* utama yang digunakan. Konsep



rekabentuk baju juga adalah berkonsepkan sopan di mana setiap rekaan baju itu tidak terlalu ketat dan merupakan rekaan yang boleh diterima oleh setiap lapisan masyarakat. Dalam penggunaan warna juga menggunakan warna bunga *red rose*. Warna yang digunakan tidak terlalu menonjol tetapi masih cantik dan sesuai untuk digunakan. Dari segi penghasilan baju juga adalah menghasilkan rekaan baju yang minimalis dan tidak terlalu menonjol dan sarat.

#### **4.1.2 Pasaran sasaran**

Pasaran sasaran merujuk kepada sekumpulan pelanggan yang berpotensi kepada siapa syarikat ingin menjual produk dan perkhidmatannya. Kumpulan ini juga merangkumi pelanggan tertentu kepada siapa syarikat mengarahkan usaha pemasarannya. Pasaran sasaran adalah salah satu bahagian dari keseluruhan pasaran untuk barang atau perkhidmatan. Pasaran sasaran utama bagi produk ini ialah bagi golongan wanita yang bekerjaya dan mampu. Ianya di sasarkan kepada mereka berlingkungan umur 20 hingga 35 tahun. Ia juga sesuai untuk mereka yang ingin sesuatu yang menarik tetapi pada harga yang berpatutan.

#### **4.1.3 Pemerhatian**

Pemerhatian ialah merupakan salah satu strategi untuk mengkaji berkenaan dengan busana yang menggunakan *subject matter red rose*. Pemerhatian ini

dilakukan untuk melihat koleksi baju berdasarkan *red rose* ini menjadi sambutan pemakai atau merupakan satu rekaan baju yang menarik dijadikan sebagai tema utama untuk menghasilkan busana.



Gambar 9 : merupakan rekaan baju daripada Alexander McQueen (Imej Google)

Gambar di atas menunjukkan koleksi baju daripada pereka fesyen antarabangsa iaitu Alexander McQueen yang menghasilkan koleksinya dengan meneroka hubungan cinta rumah fesyen dengan bunga dan simbolisme mereka. Ia dipamerkan di tingkat dua kedai utama jenama di London. Dia menghasilkan baju berdasarkan *red rose*.

“Everything I do is connected to nature in one way or another”

***Lee Alexander McQueen***



Gambar 10: Gaun Lee Alexander McQueen yang direka dari bunga segar yang ditunjukkan pada akhir Pameran Sarabande SS2007



Gambar 11 : Antara baju pengantin yang dihasilkan berdasarkan *red rose* (Imej google)


Berdasarkan pemerhatian pengkaji, terdapat banyak baju pengantin yang dibuat dan direka berasaskan *red rose*. Ianya banyak dihasilkan dalam bentuk *dress*, gaun, dan juga *two pieces*. Pemerhatian telah dibuat melalui carian google. Baju yang dihasilkan bertemakan *red rose* sangat menarik perhatian orang ramai kerana

dari segi kegunaan warna merah yang digunakan dan juga dari segi olahan idea untuk menghasilkan baju yang berbentuk *red rose*. Keunikan bentuk bunga dan juga kemeriahan warna merah tersebut membuatkan setiap rekaan baju yang dihasilkan sangat cantik dan menarik. Ianya juga bukan sahaja dijadikan sebagai baju pengantin tetapi sesuai juga sesuai dipanggil sebagai *evening wear*.



## 4.2 Proses Merekabentuk Fesyen

### 4.2.1 Carta Aliran Proses Menghasilkan Busana Pengantin



Gambar rajah 2 : Carta Aliran Proses Penghasilan Busana Pengantin

### 4.2.2 Idea/Konsep

Idea merupakan buah fikiran, pendapat, pandangan atau perancangan, cadangan, perihal berkaitan untuk membangunkan atau menghasilkan proses idea yang lebih kreatif sebagai unsur asas pemikiran yang boleh menjadi sesuatu yang visual, abstrak dan sebagainya. Dengan itu, pengkaji telah membuat pemilihan *subject matter* utama sebagai aras panduan dan juga *guideline* untuk pengkaji mengolah idea-idea yang sepatutnya berdasarkan *subject matter* yang dipilih.




Gambar 12: Gambar *Red Rose*

#### 4.2.3 *Moodboard/Inspiration*

*Moodboard* adalah kolaj fizikal atau digital yang menyusun gambar, bahan, teks, dan elemen reka bentuk lain ke dalam format yang mewakili gaya reka bentuk akhir. Setelah membuat lakaran idea berdasarkan *subject matter* yang dipilih, pengkaji akan membuat moodboard untuk menentukan jenis penggunaan fabrik yang digunakan, pemilihan warna yang bersesuaian dengan tema yang dipilih. Moodboard adalah sejenis kolaj yang dilakukan secara visualisasi yang terdiri daripada teks, imej, dan sampel-sampel yang berkenaan dengan kajian yang dibuat. Perletakkan bahan-bahan berikut adalah mengikut kreativiti pengkaji





Gambar 13 : *Moodboard/ Inspiration board*

#### 4.2.4 Lakaran Rekabentuk Busana

Lakaran rekabentuk busana perlu dibuat kerana ianya adalah berdasarkan tajuk kajian yang dibuat iaitu ‘Rekabentuk Busana Pengantin Bertemakan Red Rose’, fokus utama adalah kepada busana pengantin tersebut. Maka lakaran untuk rekabentuk busana tersebut perlu pengkaji buat untuk melihat rekabentuk yang mana sesuai untuk dipadankan dengan pemilihan *subject matter* . Olahan lakaran idea untuk rekabentuk busana adalah pelbagai .



Idea 1

Idea 2

Idea 3

Idea 4



Idea 5

Idea 6

Idea 7

Idea 8



Idea 9

Idea 10

Idea 11


Idea 12

Gambar 14 : Lakaran idea rekabentuk busana pengantin

#### 4.2.5 Pemilihan Warna

Pemilihan warna adalah memainkan peranan yang sangat penting untuk setiap rekabentuk busana. Untuk pemilihan warna, pengkaji akan membuat pemilihan warna yang berdasarkan *subject matter* iaitu *red rose*. Pemilihan warna merah akan menjadi pilihan warna utama untuk busana pengantin. Ada juga pemilihan warna yang lain sebagai warna sokongan atau warna tambahan tetapi warna tersebut masih dalam klasifikasi warna merah. Warna yang dipilih ialah warna maroon. Warna ini dipilih kerana ianya kelihatan sangat cantik untuk disesuaikan pada pakaian pengantin.





Gambar 15: Contoh warna red rose

#### 4.2.6 Lakaran Akhir Rekabentuk

Lakaran akhir rekabentuk merupakan proses di mana di atas lakaran tersebut adanya lakaran rekabentuk busana bertemakan dengan *red rose* tersebut. Lakaran akhir ini akan dibuat dan ianya dipilih untuk dijadikan *final design* sebelum menghasilkan produk.



Idea 11



Idea 12

Gambar 16 : 2 lakaran akhir yang dipilih untuk menghasilkan produk

#### 4.2.7 Pemilihan Kain


Untuk pemilihan kain, kain yang dipilih untuk menghasilkan produk akhir ialah kain dull satin , dutches , kain songket dan juga kain lace. Kain dull satin dipilih kerana fabriknya yang tidak panas dan kain yang tidak nipis. Penggunaan kain dull satin kelihatan elegant. Ianya tidak seperti kain satin lain yang berkilat. Dull satin ialah berasal daripada Korea. Dull satin ini sesuai untuk membuat dress yang mana kainnya tidak terlalu berat. Kain dull satin dibeli sebanyak 4 meter bidang 50 untuk menghasilkan satu dress labuh. Kain lace juga digunakan untuk menghasilkan baju pengantin kerana ianya sangat sesuai digunakan dan membuatkan rekabentuk baju pengantin yang dihasilkan lebih menarik. Kain lace yang digunakan ialah sebanyak 1 meter sahaja kerana ianya hanya digunakan di bahagian lengan baju sahaja.

Selain itu ialah kain dutches yang digunakan untuk menghasilkan busana pengantin seterusnya. Pemilihan kain dutches kerana ciri-ciri kain nya yang berkilat dan sedikit keras. Ianya sesuai dengan menghasilkan rekabentuk baju yang kelihatan keras. Kualiti kain ini sangat baik dan juga senang untuk dijahit. Kegunaan kain dutches ialah sebanyak 3 meter bidang 60. Kain songket digunakan untuk menghasilkan skirt. Kain songket sesuai digunakan kerana kainnya tidak nipis dan juga mudah untuk dijahit. Untuk menghasilkan skirt 6 panel, kain songket sesuai digunakan kerana ianya keras dan membuatkan kain kelihatan lebih


kembang. Kain songket ini diguna hanya sebanyak 2 meter sahaja untuk menghasilkan skirt.




Gambar 17 : Kain Dull Satin yang digunakan untuk menghasilkan dress



Gambar 18 : Kain Lace sepanjang 1 meter digunakan untuk diletakkan di bahagian lengan baju



Gambar 19 : Kain Dutches digunakan untuk menghasilkan baju



Gambar 20 : Kain songket digunakan untuk menghasilkan skirt 6 panel


#### **4.2.8 Penghasilan Rekabentuk Busana Pengantin**

Penghasilan rekabentuk busana pengantin ini adalah proses yang terakhir pengkaji lakukan. Ianya adalah proses penghasilan produk baju pengantin dengan


menjahit busana tersebut mengikut pemilihan rekabentuk busana di *final design*. Penghasilan baju pengantin ini menggunakan kain-kain yang telah dipilih bersesuaian dengan rekabentuk baju yang ingin dihasilkan.

#### 4.2.8.1 Proses Membuat Pola

Sebelum memulakan jahitan, pola baju harus dibuat terlebih dahulu bagi memudahkan cara dalam menghasilkan baju. Pola ini dihasilkan berdasarkan ukuran yang telah diambil. Ianya dilukis mengikut ukuran tersebut dan pola dilukis diatas kertas. Pola merupakan satu cara yang mudah sebelum memulakan jahitan. Lukisan pola di bawah dilukis dalam skala yang kecil berserta ukuran disediakan. Pola yang telah dilukis ialah pola bahagian depan badan, pola bahagian belakang badan, pola lengan, pola skirt duyung dan juga skirt 6 panel dan pola kelopak bunga ros. Untuk menghasilkan baju bagi idea yang ke dan idea yang ke , pola sama yang digunakan cuma diubah di bahagian lengan dan bahagian kain sahaja.




Gambar 21 : Pola badan bahagian hadapan




Gambar 22 : Pola badan bahagian belakang




Gambar 23 : Pola bahagian lengan



Gambar 24 : Pola kain panel 6



Gambar 25 : Pola kain duyung



Gambar 26 : Pola kelopak bunga

#### 4.2.8.2 Lukisan Teknikal


Lukisan teknikal adalah keperluan utama bagi seorang pereka fesyen. Lukisan teknikal merupakan lukisan lengkap dan terperinci bagi setiap pakaian yang direka. Lukisan kerja melibatkan penghasilan lukisan rekaan yang menitikberatkan kekemasan secara terperinci (*design detailing*). Contohnya, *design line*, *trimming* dan sebagainya. Lukisan teknikal juga dikenali sebagai flat drawing

atau ( *technical drawing* ) yang menunjukkan garisan pada rekaan pakaian ( *design lines* ), jahitan pakaian ( *stitches*), aksesori dan kekemasan ( *garment finishing* ).

Lukisan teknikal juga digunakan sebagai satu garis panduan kepada pelakar pola, pemotong fabrik, dan tukang jahit bagi memudahkan proses-proses membuat pakaian agar lakaran rekaan yang dihasilkan oleh seseorang pereka fesyen itu mudah fahami. Lukisan teknikal merupakan satu lukisan yang mudah untuk difahami.



Gambar 27: Bahagian depan dan bahagian belakang Idea 11



Gambar 28: Bahagian depan dan bahagian belakang Idea 12



#### 4.2.8.3 Proses memotong kain

Proses memotong kain merupakan proses selepas membuat pola. Pola yang telah siap dilukis diletakkan di atas kain untuk dipotong dengan betul. Pola disusun secara teratur untuk mengelakkan pembaziran kain berlaku. Proses memotong kain perlu dipotong dengan berhati-hati untuk mengelakkan kain mudah koyak dan dipotong mengikut ukuran pola dengan betul



Gambar 29 : Pengkaji sedang menyusun pola dan sedang memotong kain

#### 4.2.8.4 Proses menjahit

Proses menjahit adalah proses yang mana proses untuk memastikan produk siap. Menjahit merupakan satu proses yang menggunakan benang dan jarum untuk menyambungkan sesuatu. Menjahit mengambil masa yang lama berdasarkan rekabentuk baju yang ingin di buat dan berdasarkan kegunaan kain digunakan.



Gambar 30 : Pengkaji sedang menjahit

#### 4.2.8.5 Finishing

Kemasan sering digunakan pada permukaan kain untuk mencapai prestasi tertentu pada produk yang dihasilkan. Penggunaan akhir kain dikenal pasti, dan kemasan digunakan untuk memenuhi keperluan khusus untuk produk tersebut. Kemasan terakhir ialah pengkaji akan membuat *quality check* untuk memastikan jahitan tiada yang terbuka, jahitan kemas, tiada lebih benang dan sebagainya. *Quality check* merupakan sesuatu yang sangat penting supaya penghasilan busana kemas, lengkap dan tiada sebarang masalah pada pakaian yang dihasilkan.

## **BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN**

### **5.1 Pengenalan**

Kesimpulan ialah bahagian yang terakhir yang dilakukan oleh pengkaji. Ianya merupakan satu simpulan yang berkaitan dengan hasil daripada kajian yang telah dikaji. Kesimpulann merupakan salah satu cara untuk meringkaskan daripada keseluruhan penyelidikan yang telah dibuat .

### **5.2 Kesimpulan**

Busana pengantin merupakan salah satu busana yang digunakan dalam majlis perkahwinan, Ia merupakan satu busana yang menunjukkan busana yang mewah dan pelbagai yang digayakan pada hari perkahwinan. Ini kerana ianya berdasarkan rekabentuk busana yang dihasilkan sama ada moden atau traditional. Rekabentuk busana pengantin yang dihasilkan sekarang kebanyakannya ialah berbentuk moden yang mana ianya dipenuhi dengan pelbagai jenis rekabentuk dan juga penambahan dari segi tatarias permukaan. Tatarias permukaan yang dimaksudkan dari segi penambahan manik yang berlebihan atau juga ropol-ropolan yang sarat. Keadaan ini membuatkan rekabentuk busana tersebut kelihatan lebih menarik dan lebih mewah.

Bagi rekabentuk busana yang traditional pula, kebanyakannya rekabentuk busana yang dihasilkan ialah rekabentuk yang bersahaja dan tidak telalu menonjol. Ianya juga berdasarkan kepada jenis fabrik yang digunakan seperti songket atau kain batik yang menunjukkan ianya kelihatan lebih traditional. Rekabentuk busana pengantin yang traditional seperti Baju Kurung, merupakan satu rekabentuk yang sopan yang sangat digalakkan untuk dijadikan sebagai busana pengantin. Ini kerana rekabentuknya yang longgar, sopan ini membuatkan pengantin kelihatan lebih ayu. Ada juga pengaruh luar yang mempengaruhi rekabentuk busana pengantin. Keadaan ini membuatkan banyak idea yang dijadikan rujukan untuk menghasilkan busana pengantin yang pelbagai bentuk. Keadaan ini juga membuatkan konsep sopan dan traditional dalam menghasilkan busana pengantin semakin berkurang kerana pengaruh budaya lebih mempengaruhi masyarakat di Malaysia untuk memilih rekabentuk busana pengantin yang lebih moden dan kurang sopan.


Untuk memastikan konsep sopan dan traditional ini sentiasa diguna dalam menghasilkan busana pengantin, para peng gaya atau pereka busana harus mengurangkan menggunakan idea atau rujukan dari pengaruh luar. Busana pengantin yang dibuat berdasarkan *red rose* ini merupakan idea yang boleh digunakan untuk menghasilkan busana pengantin. Ianya merupakan salah satu penggunaan subject matter yang menarik yang mana menjadikan tumbuhan semulajadi sebagai olahan idea untuk menghasilkan sesuatu produk.

### 5.3 Cadangan

Dalam menghasilkan busana pengantin, banyak idea dan olahan idea yang digunakan untuk memastikan rekabentuk busana pengantin yang dihasilkan bersesuaian dengan pemilihan tema dan juga konsep. Bagi pemilihan tema atau konsep, ianya haruslah bersesuaian. Ini kerana tema dan konsep memainkan peranan sebelum menghasilkan busana pengantin.

Cadangan seterusnya ialah dari segi olahan idea. Umum mengetahui bahawa kebanyakan rekaan baju pengantin sekarang dihasilkan dengan rekaan yang lebih moden dan ianya juga terpengaruh oleh rekaan dari sebelah barat. Maka untuk mengurangkan pengaruh daripada luar dalam menghasilkan busana pengantin, pereka fesyen mesti lebih berfikiran terbuka untuk menghasilkan rekaan baju pengantin bersesuaian dengan konsep yang dipilih. Rekaan yang lebih traditional adalah sangat digalakkan untuk memastikan budaya pemakaian pakaian traditional terus di warisi oleh masyarakat kini. Pengaruh idea daripada barat boleh membuatkan banyak pereka fesyen tempatan menghasilkan rekaan baju yang pelbagai yang mana yang lebih tidak sopan dan menutup aurat. Keadaan ini membuatkan

Dalam menghasilkan busana pengantin, pemilihan warna yang betul adalah sangat penting. Pemilihan warna haruslah bersesuaian dengan tema yang dipilih dan juga sesuai dengan pemilihan subject matter. Pemilihan warna haruslah sepadan dengan keadaan sekeliling dan juga budaya orang di Malaysia.


<b>COSTING SHEET</b>				
FACULTY OF TECHNOLOGY CREATIVE AND HERITAGE UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN				
DESCRIPTION: Final Year Project		SEASON WEDDING		
SIZE M		SELLING PRICE: RM 376.36		
1. MATERIALS	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	SKETCH FRONT/BACK
Dutches Songket	3 meter 2 meter	RM 35 RM 9	RM75 RM 18	
2. TRIMMING	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	
Zip Bead Horsehair Thread	1 4 5 meter 1	RM 1.50 RM 4.00 RM 2.80 RM 2.00	RM1.50 RM 16.00 RM 14.00 RM 2.00	
3. PRODUCTION COST	HOURS	RM/HOURS	AMOUNT	
Cutting Sewing	3 hours 12 hours	RM 5.00 RM 10.00	RM 15.00 RM 120.00	
4. EMBROIDERY/ DETAIL	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	
Beading	7	RM 4.00	RM 28.00	
<b>5. TOTAL AMOUNT (1+2+3+4)</b>			RM 289.50	
<b>6. TOTAL AMOUNT + MARK UP (MIN 30%)</b>			RM 332.93	
<b>7. DESIGN FEES (MIN 50% OF 5)</b>			RM 43.43	
<b>8. TOTAL (6+7)</b>			RM 376.36	
				SWATCHES

## COSTING SHEET

FACULTY OF TECHNOLOGY CREATIVE AND HERITAGE  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

DATE  
DESCRIPTION: Final Year Project  
SIZE : SIZE M

STYLE NO : NO 07  
SEASON : WEDDING  
SELLING PRICE : RM 388.28

1. MATERIALS	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	SKETCH FRONT/BACK
Dull satin Lace	4 meter 1 meter	RM19 RM 35	RM 76 RM 35	
2. TRIMMING	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	
Thread Horsehair Zip Beads	1 2 meter 2 5	RM 2.00 RM 2.80 RM 1.50 RM 4	RM 4.00 RM 5.60 RM 3.00 RM 20	
3. PRODUCTION COST	HOURS	RM/HOURS	AMOUNT	
Cutting Sewing	3 hours 12 hours	RM 5.00 RM 10.00	RM 15.00 RM 120.00	
4. EMBROIDERY/ DETAIL	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	<b>SWATCHES</b>
Beading	5	RM 20.00	RM 20.00	
<b>5. TOTAL AMOUNT (1+2+3+4)</b>			RM 298.60	
<b>6. TOTAL AMOUNT + MARK UP (MIN 30%)</b>			RM 343.49	
<b>7. DESIGN FEES (MIN 50% OF 5)</b>			RM 44.79	
<b>8. TOTAL (6+7)</b>			RM 388.28	

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## Senarai Lampiran

Lampiran	Muka Surat
<b>Gambar 1 : Contoh Kain Batik Traditional</b>	<b>23</b>
<b>Gambar 2 : Subject Matter ( Red Rose)</b>	<b>24</b>
<b>Gambar 3 : Shade of Red Colour</b>	<b>26</b>
<b>Gambar 4 : Rekabentuk Busana Pengantin Traditional oleh Salin Sidek</b>	<b>31</b>
<b>Gambar 5 : Contoh Baju Kebaya</b>	<b>32</b>
<b>Gambar 6 : Contoh Baju Kurung Kedah</b>	<b>34</b>
<b>Gambar 7 : Baju Melayu</b>	<b>35</b>
<b>Gambar 8 : Baju Kurung Pahang</b>	<b>36</b>
<b>Jadual 2 : Proses Penghasilan Kajian Kes ( semester 7 )</b>	<b>51-52</b>
<b>Jadual 3: Proses Penghasilan Kajian Kes ( semester 8 )</b>	<b>52-54</b>
<b>Gambar rajah 1 : Diagram Proses Kajian</b>	<b>55</b>
<b>Gambar 9 : Rekaan Baju dari Alexander McQueen</b>	<b>58</b>
<b>Gambar 10 : Gaun dari Lee Alexander McQueen</b>	<b>58</b>
<b>Gambar 11 : Antara koleksi baju pengantin berdasarkan red rose</b>	<b>59</b>



**Gambar rajah 2 : Carta Ailran Proses Penghasilan**

<b>Busana Pengantin</b>	<b>60</b>
<b>Gambar 12 : Subect Matter ( Red Rose )</b>	<b>61</b>
<b>Gambar 13 : Moodboard/Inspiration Board</b>	<b>62</b>
<b>Gambar 14 : Lakaran Idea Rekabentuk Busana Pengantin</b>	<b>62-63</b>
<b>Gambar 15: Contoh warna Red Rose</b>	<b>64</b>
<b>Gambar 16 : 2 Lakaran Akhir untuk menghasilkan produk</b>	<b>64</b>
<b>Gambar 17 : Kain Dull Satin yang digunakan untuk menghasilkan dress</b>	<b>66</b>
<b>Gambar 18 : Kain Lace sepanjang 1 meter digunakan di bahagian lengan</b>	<b>66</b>
<b>Gambar 19 : Kain Dutches</b>	<b>67</b>
<b>Gambar 20 : Kain Songket</b>	<b>67</b>
<b>Gambar 21 : Pola badan bahagian depan</b>	<b>68</b>
<b>Gambar 22 : Pola badan bahagian belakang</b>	<b>69</b>
<b>Gambar 23 : Pola Lengan</b>	<b>69</b>
<b>Gambar 24 : Pola kain 6 panel</b>	<b>69</b>
<b>Gambar 25 : Pola Kain duyung</b>	<b>70</b>
<b>Gambar 26 : Pola kelopak bunga red rose</b>	<b>70</b>

<b>Gambar 27 : Bahagian hadapan dan belakang idea 11</b>	<b>71</b>
<b>Gambar 28 : Bahagian depan dan belakang idea 12</b>	<b>71</b>
<b>Gambar 29 : Pengkaji sedang menyusun pola dan memotong kain</b>	<b>73</b>
<b>Gambar 30 : Pengkaji sedang menjahit</b>	<b>74</b>

## Rujukan

Adilah Haji Jusoh dan Fazilah Husin, (2016). MAKNA DAN FUNGSI BUSANA DALAM NASKHAH MELAYU SYAIR AGUNG (*THE MEANING AND FUNCTION OF APPARELS IN SYAIR AGUNG MALAY MANUSCRIPT*).  
<http://jbsd.umt.edu.my/wp-content/uploads/sites/53/2016/09/5.-Makna-dan-Fungsi-web.pdf>

Anwar Hidayat. (2016). Pengertian Dan Penjelasan Metodologi Penelitian-Lengkap: Statiskian.com. <https://www.statistikian.com/2016/11/metodologi-penelitian.html>

Asmah Haji Omar. (2005). Bahasa Malaysia Saintifik. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azah Aziz. (2006). Rupa Dan Gaya Busana. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Arshi Ahmed. (2020). Top 25 Most Beautiful Red Roses. <https://www.stylecraze.com/articles/most-beautiful-red-roses/>

Bomstart. (2019). 7 Perkara Menarik Tentang Baju Kebaya. <https://www.omarali.com.my/baju-kebaya/>

Bronwyn P Wood Also Aisha-Wood-Boulanouar. (2006). The Notion of Modesty in Muslim Women's Clothing: An Islamic Point of View. United Arab Emirates University.  
[file:///C:/Users/User/Downloads/The Notion of Modesty in Muslim Womens Clothing A.pdf](file:///C:/Users/User/Downloads/The%20Notion%20of%20Modesty%20in%20Muslim%20Womens%20Clothing%20A.pdf)

Dr Mohd Faizal. (2018). Konsep Warna Masyarakat Melayu Lebih Luas Daripada Disangka. <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/commentary/komentar-konsep-warna-masyarakat-melayu-lebih-luas-daripada/4092974.html>

Fadwa El Guindi. (1999). *Veil: Modesty, Privacy and Resistance*. Dress, Body and Culture Series. Oxford and New York: Berg. [https://www.researchgate.net/publication/227736518\\_Veil\\_Modesty\\_Privacy\\_and\\_Resistance](https://www.researchgate.net/publication/227736518_Veil_Modesty_Privacy_and_Resistance)

Francesca Sterlacci. (2013). What Is Draping? An overview and History. <https://www.universityoffashion.com/blog/what-is-draping-an-overview-and-history/>

Fresh Flower.com.au. (2019). The Meaning, Symbolisme and History Of Red Rose. <https://www.freshflowers.com.au/blog/post/history-meaning-and-symbolism-of-red-roses.html>

FTD Fresh. (2016). Rose Fower Meaning And Symbolisme. <https://www.ftd.com/blog/share/rose-meaning-and-symbolism>

Fadwa El Guindi. (1999). *Veil: Modesty, Privacy and Resistance*. Dress, Body and Culture Series. Oxford and New York: Berg. [https://www.researchgate.net/publication/227736518\\_Veil\\_Modesty\\_Privacy\\_and\\_Resistance](https://www.researchgate.net/publication/227736518_Veil_Modesty_Privacy_and_Resistance)

Fresh Flower.com.au. (2019). The Meaning, Symbolisme and History Of Red Rose. <https://www.freshflowers.com.au/blog/post/history-meaning-and-symbolism-of-red-roses.html>

FTD Fresh. (2016). Rose Fower Meaning And Symbolisme. <https://www.ftd.com/blog/share/rose-meaning-and-symbolism>

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara (JKKN). (2015). Busana Kedah. Kuala Lumpur. . <http://www.jkkn.gov.my/ms/busana-kedah>

Jiha Jahari. (2020). Merah Putih Warna Signifikan Dalam Budaya Cina.

<https://limaumandarin.com/merah-putih-warna-signifikan-dalam-budaya-cina/>

Kamus Dewan Edisi Ketiga. (1996). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Melayu Nusantara. (2003). Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Pelajar Bahasa Malaysia Edisi Kedua. ( 2015). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kay Suhaimi. (2019). Asal Usul Dan Makna Bahagian Setiap Baju Melayu.

<https://iluminasi.com/bm/asal-usul-dan-makna-setiap-bahagian-baju-melayu.html>

Louis A. Godey. (1830-1838). *Godey's Magazines and Lady's Book*. Philadelphia.

[https://godeysladybook.com/white\\_wedding\\_dress\\_origins.htm](https://godeysladybook.com/white_wedding_dress_origins.htm)

Lie, Merete, 2000. Two Generations: Life Stories and Social Change in Malaysia (1). Journal of Gender Studies 9/1: 27-43.

[https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/42074616/Two\\_Generations\\_Life\\_stories\\_and\\_social\\_20160204-22236-1juzv15.pdf?1454614751=&response-content-](https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/42074616/Two_Generations_Life_stories_and_social_20160204-22236-1juzv15.pdf?1454614751=&response-content-disposition=inline%3B+filename%3DTwo_Generations_Life_stories_and_social.pdf&Expires=1612281241&Signature=X7wE1ipHdZnHPON5xdUw-rQ3gHXOzxs2yAFrUy-325zzovHP7irpHtenUecUSSYzTpzm0A8ZE6WHdsFwx5fkUv9xkTG3HpzjPMhmHkjrN0OvQNT0hH7Jy8e15PzV2lqjFenxDjvxhmQXW7J2~qP2~7kx~16ZNGhExB9tMdmY2DH~rRT7zRyKSQl0Fm4masDTM4ND7rC1Xkx4Wwlv2uFP5gVhl67Fee7Fb-)

[disposition=inline%3B+filename%3DTwo\\_Generations\\_Life\\_stories\\_and\\_social.pdf](https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/42074616/Two_Generations_Life_stories_and_social.pdf&Expires=1612281241&Signature=X7wE1ipHdZnHPON5xdUw-rQ3gHXOzxs2yAFrUy-325zzovHP7irpHtenUecUSSYzTpzm0A8ZE6WHdsFwx5fkUv9xkTG3HpzjPMhmHkjrN0OvQNT0hH7Jy8e15PzV2lqjFenxDjvxhmQXW7J2~qP2~7kx~16ZNGhExB9tMdmY2DH~rRT7zRyKSQl0Fm4masDTM4ND7rC1Xkx4Wwlv2uFP5gVhl67Fee7Fb-)

[f&Expires=1612281241&Signature=X7wE1ipHdZnHPON5xdUw-](https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/42074616/Two_Generations_Life_stories_and_social.pdf&Expires=1612281241&Signature=X7wE1ipHdZnHPON5xdUw-rQ3gHXOzxs2yAFrUy-325zzovHP7irpHtenUecUSSYzTpzm0A8ZE6WHdsFwx5fkUv9xkTG3HpzjPMhmHkjrN0OvQNT0hH7Jy8e15PzV2lqjFenxDjvxhmQXW7J2~qP2~7kx~16ZNGhExB9tMdmY2DH~rRT7zRyKSQl0Fm4masDTM4ND7rC1Xkx4Wwlv2uFP5gVhl67Fee7Fb-)

[rQ3gHXOzxs2yAFrUy-](https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/42074616/Two_Generations_Life_stories_and_social.pdf&Expires=1612281241&Signature=X7wE1ipHdZnHPON5xdUw-rQ3gHXOzxs2yAFrUy-325zzovHP7irpHtenUecUSSYzTpzm0A8ZE6WHdsFwx5fkUv9xkTG3HpzjPMhmHkjrN0OvQNT0hH7Jy8e15PzV2lqjFenxDjvxhmQXW7J2~qP2~7kx~16ZNGhExB9tMdmY2DH~rRT7zRyKSQl0Fm4masDTM4ND7rC1Xkx4Wwlv2uFP5gVhl67Fee7Fb-)

[325zzovHP7irpHtenUecUSSYzTpzm0A8ZE6WHdsFwx5fkUv9xkTG3HpzjPMhmH](https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/42074616/Two_Generations_Life_stories_and_social.pdf&Expires=1612281241&Signature=X7wE1ipHdZnHPON5xdUw-rQ3gHXOzxs2yAFrUy-325zzovHP7irpHtenUecUSSYzTpzm0A8ZE6WHdsFwx5fkUv9xkTG3HpzjPMhmHkjrN0OvQNT0hH7Jy8e15PzV2lqjFenxDjvxhmQXW7J2~qP2~7kx~16ZNGhExB9tMdmY2DH~rRT7zRyKSQl0Fm4masDTM4ND7rC1Xkx4Wwlv2uFP5gVhl67Fee7Fb-)

[kjrN0OvQNT0hH7Jy8e15PzV2lqjFenxDjvxhmQXW7J2~qP2~7kx~16ZNGhExB9t](https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/42074616/Two_Generations_Life_stories_and_social.pdf&Expires=1612281241&Signature=X7wE1ipHdZnHPON5xdUw-rQ3gHXOzxs2yAFrUy-325zzovHP7irpHtenUecUSSYzTpzm0A8ZE6WHdsFwx5fkUv9xkTG3HpzjPMhmHkjrN0OvQNT0hH7Jy8e15PzV2lqjFenxDjvxhmQXW7J2~qP2~7kx~16ZNGhExB9tMdmY2DH~rRT7zRyKSQl0Fm4masDTM4ND7rC1Xkx4Wwlv2uFP5gVhl67Fee7Fb-)

[MdmY2DH~rRT7zRyKSQl0Fm4masDTM4ND7rC1Xkx4Wwlv2uFP5gVhl67Fee7F](https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/42074616/Two_Generations_Life_stories_and_social.pdf&Expires=1612281241&Signature=X7wE1ipHdZnHPON5xdUw-rQ3gHXOzxs2yAFrUy-325zzovHP7irpHtenUecUSSYzTpzm0A8ZE6WHdsFwx5fkUv9xkTG3HpzjPMhmHkjrN0OvQNT0hH7Jy8e15PzV2lqjFenxDjvxhmQXW7J2~qP2~7kx~16ZNGhExB9tMdmY2DH~rRT7zRyKSQl0Fm4masDTM4ND7rC1Xkx4Wwlv2uFP5gVhl67Fee7Fb-)

[b-](https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/42074616/Two_Generations_Life_stories_and_social.pdf&Expires=1612281241&Signature=X7wE1ipHdZnHPON5xdUw-rQ3gHXOzxs2yAFrUy-325zzovHP7irpHtenUecUSSYzTpzm0A8ZE6WHdsFwx5fkUv9xkTG3HpzjPMhmHkjrN0OvQNT0hH7Jy8e15PzV2lqjFenxDjvxhmQXW7J2~qP2~7kx~16ZNGhExB9tMdmY2DH~rRT7zRyKSQl0Fm4masDTM4ND7rC1Xkx4Wwlv2uFP5gVhl67Fee7Fb-)

[N3GUXqeUY95gdFb45MXm3dPJ61bqgKw9kx4XGOGulwTMTJRnGaP26VCLxYE](https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/42074616/Two_Generations_Life_stories_and_social.pdf&Expires=1612281241&Signature=X7wE1ipHdZnHPON5xdUw-rQ3gHXOzxs2yAFrUy-325zzovHP7irpHtenUecUSSYzTpzm0A8ZE6WHdsFwx5fkUv9xkTG3HpzjPMhmHkjrN0OvQNT0hH7Jy8e15PzV2lqjFenxDjvxhmQXW7J2~qP2~7kx~16ZNGhExB9tMdmY2DH~rRT7zRyKSQl0Fm4masDTM4ND7rC1Xkx4Wwlv2uFP5gVhl67Fee7Fb-)

Siti Zainon Ismail. (2009). Pakaian Cara Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Tenas Effendy. (2004). Pemakaian Ungkapan Dalam Upacara Perkahwinan Orang Melayu. Yogyakarta: Balai Kajian Dan Pengembangan Budaya Melayu bekerjasama dengan Penerbit AdiCita.

MyHealth. (2018). Warna dan Psikologi. Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://www.myhealth.gov.my/warna-dan-psikologi/>

Saliha Fashion, (2017). Harga dan Nilai Batik Berdasarkan Teknik Pembuatannya. <https://saliha.id/fashion/article/12001021017-200617-harga-dan-nilai-batik-berdasarkan-teknik-pembuatannya>

Salikin Sidek. (2019). Variasi Busana Pengantin Melayu Traditional. Karangkruf. Kuala Lumpur. [https://www.google.com/search?q=salikin+sidek+busana+pengantin+traditional&source=iu&ictx=1&fir=vvPr\\_T3722-ymM%252CAI1IC6q4mF95sM%252C\\_&vet=1&usg=AI4\\_kR7zaeyNH5YjH2YnuVu7\\_xPzXP2tg&sa=X&ved=2ahUKEwiF2erwpsvuAhVZzzqGHYzHAf8Q9QF6BAgLEAE#imgrc=vvPr\\_T3722-ymM](https://www.google.com/search?q=salikin+sidek+busana+pengantin+traditional&source=iu&ictx=1&fir=vvPr_T3722-ymM%252CAI1IC6q4mF95sM%252C_&vet=1&usg=AI4_kR7zaeyNH5YjH2YnuVu7_xPzXP2tg&sa=X&ved=2ahUKEwiF2erwpsvuAhVZzzqGHYzHAf8Q9QF6BAgLEAE#imgrc=vvPr_T3722-ymM)

Tokopedia. (2019). Mengenal Warna-warna Bunga Mawar Serta Artinya. <https://www.tokopedia.com/blog/makna-warna-bunga-mawar/>

Universiti Teknologi Mara. (2017). Perbezaan Antara Kajian Kuantitatif dan Kualitatif: Universiti Teknologi Mara. <https://madeinuitm.com/perbezaan-antara-kajian-kuantitatif-dan-kualitatif/>

Zulfa Fadhillah. (2017). 5 Alasan Warna Merah Menjadi Ciri Khas Pernikahan Di India. <https://www.antvklik.com/headline/5-alasan-warna-merah-jadi-ciri-khas-pernikahan-di-india>

<https://www.artizara.com/pages/what-does-modesty-mean-to-you>




UNIVERSITI

MALAYSIA


KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA




KELANTAN






UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



UNIVERSITI  

---


MALAYSIA  

---


KELANTAN



UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA




KELANTAN






UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



UNIVERSITI  

---


MALAYSIA  

---


KELANTAN



UNIVERSITI




MALAYSIA



KELANTAN



UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  


---

KELANTAN






UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN